

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**HAJI ISMAIL BIN ABU**

**MAHAGURU SILAT BUNGA KEDAH**

**MENGENAI PENGALAMAN BELIAU**

**SEBAGAI MAHAGURU SILAT BUNGA**

**KEDAH**

**MOHAMMAD EZZAT HAKIMIE BIN**

**MOHD ARIF**

**(2020993437)**

**MOHD DANIAL IKHMAL BIN**

**MUHAMMAD SHAHDZIR**

**(2020995301)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC 2021 – OGOS 2021**

	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>M/S</b>
	ABSTRAK PENGHARGAAN SENARAI ABREVIASI SENARAI SINGKATAN SENARAI KATA RUJUKAN	i ii iii iv v
1.0	BIODATA PENEMUBUAL 1.1 PENEMUBUAL PERTAMA 1.2 PENEMUBUAL KEDUA	1 - 3
2.0	BIODATA TOKOH 2.1 BIODATA TOKOH 2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH	4 - 6
3.0	SEJARAH LISAN 3.1 PENGENALAN 3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN 3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN	7 - 9
4.0	KAJIAN LITERATURE 4.1 TOPIK 1 4.2 TOPIK 2	10 - 12
5.0	TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH	13 - 66
6.0	LOG TEMUBUAL	67 - 84
7.0	RALAT	85
8.0	GLOSARI	86 - 89
9.0	INDEKS	90 - 92
10.0	BIBLIOGRAFI	93 - 94
11.0	LAMPIRAN 11.1 BIOGRAFI TOKOH 11.2 SURAT PERJANJIAN 11.3 SENARAI SOALAN 11.4 DIARI PENYELIDIKAN 11.5 GAMBAR, SIJIL – SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN	95 - 110

## **ABSTRAK**

*Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan mahaguru dan bekas guru yang mewarisi seni kebudayaan iaitu Silat Bunga Kedah. Ramai dalam kalangan pada masa kini, terutamanya generasi yang baru dalam era ini tidak mengetahui secara langsung tentang kewujudan silat ini. Hal ini kerana Silat Bunga Kedah hanya dikenali di Kedah dan jika di luar negeri Kedah pun, hanya terdapat di Selangor dan Perlis. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tentang salah satu tokoh yang pernah mewarisi warisan ini, projek sejarah lisan ini akan cuba untuk mengungkap kebenaran di sebalik isu mengapa silat ini kurang dikenali dan hanya dikenali di beberapa tempat di dalam negara. Bermula dari sejarah tentang Silat Bunga, pengalaman tokoh, senjata yang digunakan, pantang larang dalam Silat Bunga, setiap gerakan, cabaran, pencapaian dan isu-isu yang berkaitan dengan Silat Bunga ini. Kajian ini bukan sahaja melalui Encik Haji Ismail sendiri, tetapi ianya juga turut diperoleh dari sumber lain kerana untuk melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan dalam kajian yang dilakukan. Melalui projek lisan ini, diharapkan generasi – generasi muda akan mengenali lebih lanjut dan lebih mendalam tentang seni Silat Bunga ini.*

## **KATA KUNCI**

Silat Bunga Kedah, Sejarah, Senjata, Pencapaian, Pengalaman

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin melafazkan syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia – Nya segala urusan kami dipermudahkan dari hari pertama kelas sehingga halangan dan rintangan, urusan kami tetap dipermudahkan untuk menyiapkan transkrip ini.

Selain itu, kami juga ingin berterima kasih kepada kedua ibu – bapa kami kerana selalu dan tidak henti menyokong kami daripada awal hingga ke akhirnya. Tanpa sokongan dan semangat mereka, kami pasti lemah dan hampir mengalah dalam menyiapkan transkrip ini.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah yang banyak mengajar dan mendorong kami dalam subjek Oral Documentation [IMR604], Puan Siti Norsiah Binti Jamaludin. Puan Siti Noorsiah banyak membimbang kami dan juga memberi pendapat dalam pada kami menyiapkan transkrip ini. Tanpa dorongannya, kami pasti sesat dan tidak tentu arah dalam menyiapkan transkrip ini. Ianya sukar tetapi dengan dorongannya, kami berjaya melakukanya. Dalam pada itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan kami iaitu rakan – rakan sekelas kami JIM2465B yang sedikit sebanyak menyumbangkan idea dan juga pendapat mereka dalam menyiapkan transkrip ini.

Akhir sekali, kami ingin merakamkan ucapan setinggi – tinggi penghargaan kepada Haji Ismail Bin Abu, iaitu tokoh dalam bidang Silat Bunga Kedah kerana sudi membantu kami dalam menyampaikan banyak maklumat tentang seni Silat Bunga Kedah daripada awal hingga ke akhirnya. Encik Ismail juga mudah dalam berurusan denganya dan mudah juga menyampaikan apa yang kami mahu. Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah SWT. Dikala kami hampir putus harapan mencari tokoh dalam bidang seni warisan ini, Haji Ismail tampil dan hadir selepas dicadangka oleh rakan yang merupakan cucu kepada tokoh. Kami juga berterima kasih kepada cucu tokoh kerana menyampaikan maklumat tentang datuknya untuk kami menemuramah tentang Silat Bunga Kedah ini.

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
COVID	Corona Virus Decease
MADA	Muda Agriculture Development Authority (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda)
PEKIDA	Persatuan Kebajikan Islam dan Dakwah Islamiah Malaysia
PESAKA	Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia
SPRM	Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia

## **SENARAI SINGKATAN**

MEH: Mohammad Ezzat Hakimie Bin Mohd Arif

MDI: Mohd Danial Ikhmal Bin Muhammad Shahdzir

IBA: Haji Ismail Bin Abu

## RUJUKAN KATA

Aloq	Alor
Balaih	Balas
Belajaq	Belajar
Besaq-besaq	Besar-besar
Bokmai	Bawak datang
Bukak	Buka
Campoq	Campur
Camtu	Macam itu
Dak	Tidak
Gempaq	Menakutkan
Giliaq	Bergilir
Gutu	Begitu
Habih	Habis
Hat	Yang
Jumpak	Jumpa
Kelapaq	Tak ingin
Keluaq	Keluar
Kendian	Kemudian
Ketoi	Ketul
Langgaq	Langgar (juga merujuk kepada nama tempat)
Lepaihtu	Selepas itu
Lintaih	Melintas
Luaq	Luar
Mai	Datang
Mampoih	Mati
Masatu	Waktu itu
Meleher	
Mengajaq	Mengajar
Nanndak	Hendak
Nuh	Disitu
Pagaq	Pagar

Paham	Faham
Pasaipa	Pasal Apa?
Penyepak	Tampar
Pikiaq	Fikir
Pon	Pun
Sebungkuih	Sebungkus
Sekampoi	Sesimpul
Takleh	Tidak boleh
Takmau	Tidak mahu
Takpa	Tidak mengapa
Taktau	Tidak tahu
Tetiba	Tiba-tiba
Tidoq	Tidur
Timbui	Timbul
Tinggai	Tinggal
Toksah	Tak usah
Tudia	Itu

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## **1.0 BIODATA PENEMEBUAL**

### **1.1 PENEMEBUAL PERTAMA**



---

<b>Nama:</b>	<b>Mohammad Ezzat Hakimie Bin Mohd Arif</b>
<b>Tarikh Lahir:</b>	23 Disember 1998
<b>Tempat Lahir:</b>	Sungai Petani, Kedah, Malaysia
<b>Alamat:</b>	151,Lorong Melor 2/1B Taman Melor 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman
<b>No Telefon:</b>	019-3625163
<b>E-mel:</b>	ezzatarif98@gmail.com
<b>Program:</b>	Sarjana Muda Pengurusan Maklumat Kepujian Pengurusan Rekod (IM 246)

---

## **1.2 PENEMEBUAL KEDUA**



---

<b>Nama:</b>	<b>Mohammad Danial Ikhmal Bin Mohd Shahdzir</b>
<b>Tarikh Lahir:</b>	<b>7 Julai 1998</b>
<b>Tempat Lahir:</b>	<b>Alor Setar ,Kedah, Malaysia</b>
<b>Alamat:</b>	<b>No 27, Taman Dahlia Satu, Jalan Lencong Barat, 05400, Alor Setar, Kedah Darul Aman</b>
<b>No Telefon:</b>	<b>011-55090298</b>
<b>E-mel:</b>	<b>danielikhmaluitm@gmail.com</b>
<b>Program:</b>	<b>Sarjana Muda Pengurusan Maklumat Kepujian Pengurusan Rekod (IM 246)</b>

---

## **BIODATA TOKOH**

## **2.0 BIODATA TOKOH**

### **2.1 BIODATA TOKOH**



### **2.1 BIODATA TOKOH**

Haji Ismail Bin Abu atau dikenali dengan nama gelaran di kampungnya iaitu Pak Ey Abu ialah tokoh yang dipilih bagi wawancara sejarah lisan ini. Beliau lahir pada tanggal 19/9/1939 di Kampung Alor Keladi, Langgar, Kedah yang sehingga kini menetap di kawasan di mana beliau dilahirkan. Haji Ismail masih menetap di kawasan yang sama sehingga kini. Profesional beliau selain daripada menjadi Timbalan Presiden Persatuan Seni Silat Bunga Negeri Kedah dan mahaguru beliau juga pernah menjadi pengusaha makanan kantin sekolah.

### **2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH**

Haji Ismail Bin Abu atau dikenali sebagai Pak Ey Abu di kawasan kampungnya di Alor Keladi, Langgar, Kedah. Berusia 82 tahun yang merupakan salah satu tokoh yang berpengalaman dan berpengaruh di dalam bidang seni persilatan di utara tanah air dan beliau merupakan salah seorang perintis di dalam perkembangan Persatuan Seni Silat Bunga Kedah di Malaysia.

Mempunyai pengalaman selama 53 tahun dalam bidang persilatan yang dikenali serata negeri Kedah ini. Bermula dalam bidang seni silat pada tahun 1968, beliau bersama-sama pengasas Seni Silat Bunga Kedah iaitu Haji Ismail Bin Zakaria memperluaskan pengajaran di sekitar Langgar, Alor Setar, Kepala Batas dan Langkawi pada asalnya akan tetapi kerana pengaruh dan kejayaan penuntut silat di bawah naungan mereka berdua berjaya memperluaskan persatuan sejahtera di ibu negara Kuala Lumpur.

Pengalaman beliau disegani para penuntut kerana pengalaman yang luas dan berpengetahuan walaupun usia membatas faktor kelincahan akan tetapi ramai guru latih dan penuntut seni silat ini mengagumi figura yang beliau lebih senang mengelar diri sebagai Pak Ey Abu ini. Persatuan yang dibawa beliau telah menerima jemputan daripada kenamaan iaitu di antaranya Baginda Yang-Dipertuan Agong Al-Mutawakkil Alallah Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj ibni Almarhum Sultan Ismail Sultan Johor dan Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.

## **SEJARAH LISAN**

## **SEJARAH LISAN**

### **3.1 PENGENALAN**

Topik yang dipilih oleh penyelidik memfokuskan terhadap spektrum yang terletak di dalam bidang seni mempertahankan diri iaitu Seni Silat. Silat di alam melayu datang melalui interaksi kepelbagaian dalam alam nusantara. Bapa persilatan iaitu Hang Tuah telah mempelajari ilmu persilatan ini melalui Sang Persata Nala dan Sang Aria Putera di Majapahit dalam gerakan fizikal dan menggunakan senjata (Kassim,1995).

Pada zaman kini, seni silat di anak tiri oleh isu terkini yang berbangkit pada seni persilatan ini apabila inisiatif untuk memperkasakan seni ini dibantu oleh pihak kerajaan dipandang enteng. Jumiati (2019) daripada akhbar Berita Harian memetik pernyataan daripada Setiausaha Agung Persekutuan Silat Kebangsaan yang menegaskan bahawa kompleks silat negara yang berjumlah RM 160 juta telah diluluskan tetapi sejak perubahan kerajaan pelan tersebut diberhentikan.

Isu seterusnya apabila silat menjadi kurang relevan berbanding seni mempertahankan diri dari luar misalnya seperti Muay Thai, Tinju, Brazilian Jiu-Jitsu dan lain lain. Adiwijaya (2018) mengatakan bahawa golongan muda lebih cenderung kepada seni mempertahankan diri luar dan menghiraukan asas kerohanian dan jati diri bangsa dalam seni silat.

Akhir sekali, peraturan baharu dalam kejohanan silat tempur telah menyebabkan keputusan yang berat sebelah dan kontroversi dek kerana berlainan cara dalam ilmu persilatan. Israr (2020) menegaskan bahawa mutu pengadilan yang berat sebelah akan menjelaskan olahraga silat tempur secara tidak langsung memberi persepektif yang kurang enak terhadap integriti seni silat ini.

### **3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN**

- Untuk mengetahui bahawa sejauh manakah seni silat ini mengkekalkan tradisi dan mengutamakan seni mempertahankan diri itu.
- Merungkai punca silat hanya dilihat sebagai satu corong keunikan pertunjukkan berbanding warisan negara yang mempunyai sejarah yang mendalam.
- Memahami konsep sebenar ideologi seni silat yang telah dibawa ratusan tahun oleh nenek moyang kita.

### **3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN**

Kepentingan kajian ini bersandarkan keutamaan dalam memilih pendekatan yang betul untuk menyelesaikan masalah yang menyulubungi dalam seni warisan silat pada generasi kini. Pelbagai hujah yang dibuktikan oleh pengkaji bahawa seni silat ini merangkumi aspek yang melibatkan aspek kehidupan dan tatatertib dalam menguasai seni mempertahankan diri ini. Kita boleh lihat seni silat yang menjadi tonggak utama di dalam negara kita yang paling utama iaitu Silat Gayong Malaysia juga menitikberatkan aspek kehidupan yang menjadi keutamaan masyarakat Melayu yang telah lama sudah tertindas di bumi sendiri ekoran penjajahan. Faedah yang boleh pengkaji kaitkan dalam penguasaan ilmu silat ini terhadap masyarakat Melayu yang bermajoriti di Malaysia adalah aspek disiplin yang diterapkan dalam ilmu seni silat ini. Sebagai contoh, dalam seni silat mempunyai gerakan seperti jurus ataupun ‘buah’ yang masyarakat majmuk tak mengira bangsa boleh mempelajari untuk mempertahankan diri daripada ancaman manusia yang juga menjadi asas utama tertubuh nya seni mempertahankan diri yang dikenali sebagai silat ini.

Disamping itu, kajian ini juga sangat penting bagi menguatkan ilmu seni warisan ini yang dapat dikaitkan dalam nilai sejarah kerana silat itu sendiri adalah salah satu cabang kesenian melayu yang diwariskan turun-temurun. Ini kerana silat ini mempunyai susur galur sejarah yang khusus bagi rumpun melayu yang dahulunya dipelajari oleh golongan kerabat raja dan hulubalang yang terpilih diberi akses kepada dunia persilatan ini. Lantas menunjukkan sesuatu benda yang asalnya terhad kepada golongan tertentu dan sekarang terbuka kepada orang umum yang boleh mendaftar diri di dalam organisasi pelbagai di negara kita ini. Sumbangan seni silat ini terhadap ilmu sejarah adalah sangat mendalam kerana ia dapat membantu dalam pengekalan kesenian warisan ini.

Akhir sekali, silat dapat memberi faedah yang mendalam kepada negara kerana atas dasar menjaga warisan negara yang perlu dititikberatkan oleh pemerintah kepada setiap rakyat jelata di Malaysia. Keberadaan seni ini didalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 dimana silat terletak didalam satu warisan negara yang perlu dikekalkan sepanjang zaman kerana sumbangan yang telah dicurahkan dalam pembebasan kita daripada cengkaman penjajah perlu dihargai dengan tinggi. Hasmah (2013) seni ini bukan bersandarkan kepada nilai estetika sahaja malah pengisian yang mendalam terhadap aspek rohani dan jasmani yang berkait rapat dalam pembinaan negara bangsa yang berdisiplin yang akan memberi sumbangan yang hebat terhadap negara.

## **KAJIAN LITERATUR**

## **KAJIAN LITERATUR**

### **TOPIK 1: SENI KEBUDAYAAN**

Seni kebudayaan boleh dibahagikan kepada dua iaitu berbentuk statik dan mudah alih serta warisan budaya yang ketara ialah sesuatu yang tetap dan tidak bergerak (YUSOFF, 2018 ). Selain itu, menurut (Faridah Sahari, 2016), budaya benda sering digunakan dan diperluaskan dalam kajian lain seperti kebudayaan, antikuiti dan kesenian kerana kesuaian metod ini untuk kajian yang berkaitan bahan budaya dan budaya visual yang dikaitkan dengan warisan dan identiti masyarakat. Sejajar dengan itu juga, seni kebudayaan juga ialah suatu cara hidup manusia merangkumi cara berfikir, merasa dan bertindak. Sebagai suatu cara hidup, budaya dibangunkan oleh manusia berdasarkan ilmu pengetahuan yang dimiliki sama ada ilmu tersebut diperoleh daripada proses pembelajaran, pengalaman hidup atau pengamatan terhadap kejadian diri sendiri dan alam sekeliling (Yasin, 2014 ). Dalam pada itu, warisan seni budaya Malaysia ini adalah penting bagi meluhurkan kepada generasi akan datang supaya mereka tidak ketinggalan dalam pengetahuan yang melibatkan secara langsung berkenaan warisan budaya di negara kita. Mohamed (2008)

Kepentingan seni kebudayaan ialah perpaduan antara masyarakat yang melibatkan aspek seni warisan dan budaya penting dalam mencapai kesepakatan dan kesatuan bangsa (Dr. Sabzali Musa Kahn, 2012). Selain itu, kepentingan seni kebudayaan juga proses memperkasakan jati diri bangsa Malaysia yang terkenal dengan kerencaman etnik, budaya, bahasa dan agamanya, khususnya dalam menantang cabaran saat bangsa ini menempuh era dunia tanpa sempadan (MOHD FADZIL RAZALI, 2016).

### **TOPIK 2: SILAT**

Bagi topik kedua dalam kajian ini, silat merupakan seni beladiri yang diakui sebagai hak bangsa melayu (Abdullah, 2018). Selain itu, seni silat juga dalam pengertian yang lebih mudah dapat dikongsepkan sebagai sejenis kaedah beladiri yang terdiri daripada sejumlah teknik serang dan bela serta teknik itu dihiasi dengan kelembutan seni dan keindahan gerak tetapi mengelirukan (Abdullah, 2018). Selain itu, silat juga adalah ilmu beladiri yang wajib dimiliki oleh setiap anak bangsa demi membela bangsa, dan negara (Hanafiah, 2018). Dalam ilmu persilatan juga sebenarnya terdapat unsur berbentuk kerohanian dan kebatinan. Aspek kerohanian dan kebatinan dalam Seni Silat Melayu telah mengalami tahap perkembangan dan perubahan melalui tahap yang berbeza berdasarkan sejarah kepercayaan masyarakat Melayu di

Nusantara (Abdullah, 2018) Demikian itu juga, silat telah meninggalkan jejaknya dalam peradaban banyak orang negara-negara Asia lain seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Filipina, tetapi persatuannya dan penglibatan dengan penduduk dan budaya Malaysia sangat luar biasa dan dengan demikian sangat diakui (Shapei, 2016). Silat menjadi alat sosialisasi golongan muda untuk menempuh realiti hidup. Individu yang memiliki kemahiran bersilat dapat mengangkat taraf sosialnya sehingga diberikan jawatan. Mereka mempunyai peranan dan pengaruh dalam masyarakat (Abdullah, 2018). Selain itu, silat merupakan salah satu ciri dari identitas budaya, sebuah isu identiti yang terkait dengan seni beladiri (Hanafiah, 2018) Seterusnya, Setiap pelatih silat akan belajar gaya menyerang dan kemahiran pertahanan yang berbeza seperti Elakan (mengelakkan pergerakan teknik), Tangkisan, Tangkapan, Serangan balas, Amuk dan sistem persenjataan seperti sabit, pedang, cudgel, keris atau keris bergelombang pendek, tali, tongkat yang diperbuat daripada kayu keras, keris dengan hujung lurus dan trisula (Shapei, 2016). Serunai Kelantan merupakan sejenis alat muzik tradisional Melayu Kelantan yang digunakan dalam persembahan muzik Wayang Kulit dan muzik Gendang Silat (Ismail C. N., 2013). Menurutnya lagi, Serunai Silat mempunyai sedikit perbezaan dari segi saiz dan panjangnya iaitu 14.5 inci dan mengeluarkan suara agak kasar (Ismail C. N., 2013). Selain itu, Alatan muzik yang digunakan terdiri daripada Serunai, Gendang Anak, Gendang Ibu, dan Gong. (Ismail S. N., 2013). Gendang diperbuat daripada kayu yang baik dan tahan lasak untuk mengeluarkan bunyi yang baik. Ia menggunakan kulit lembu di sebelah kanan dan kulit kambing di sebelah kiri (Ismail S. N., 2013).

## **TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH**

# **SESI 1**

**MEH:** Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temu bual sejarah lisan sesi pertama mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Seni Silat Bunga Kedah. Bersama-sama kami ialah YBhg. Haji Ismail Bin Abu yang merupakan seorang tokoh mahaguru seni silat bunga. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 Mei dua ribu dua puluh satu bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 9:25 yang bertempat Kampung Alor Keladi, Langgar, Kedah. Temu bual ini dikendalikan oleh saya sendiri Mohammad Ezzat Hakimie Bin Mohd Arif dan juga rakan saya Mohd Danial Ikhmal Bin Mohd Shadzir. Dengan segala hormatnya temu bual ini dimulakan.

**MEH:** Danial boleh start [*mulakan*] dulu.

**MDI:** Terima kasih Mohammad Ezzat atas kata-kata pembukaan, bersama saya sekarang Tuan Haji Ismail Bin Abu merupakan guru silat seni silat bunga Kedah.

**MDI :** Assalamualaikum, wan sihat wan?

, IBA : Alhamdulillah, waalaikumussalam.

**MDI :** Okay jadi boleh kami mula tanya soalan sekarang ya Wan?

**IBA:** Okay

**MDI:** Okay jat tanya dulu awai

**MEH:** Alright, so soalan pertama wan, Apakah nama penuh Tuan Haji?

IBA: Nama saya lah? Haji lah Haji Ismail Bin Haji Abu.

**MEH:** \*ulang semula\* Haji Ismail Bin Haji Abu

**MDI:** Bilakah tarikh lahir wan?

IBA: Sembilan belah sembilan tiga sembilan (19/9/1939)

**MDI:** sembilan belah sembilan tiga sembilan...tarikh wan ingat?

IBA: Tarikh apa?

**MDI:** Tarikh lahir wan.

IBA: Hat tu lah. Hari tak ingat.

**MDI: Ohh hari tak ingat**

IBA: Ha.. (ulang semula perlahan) sembilan belah-semilan-tiga sembilan 1-9-9-3-9.

**MEH: Ok,di manakah wan dilahirkan?**

IBA: Saya dilahirkan di kampung aloq keladi. [*Alor Keladi, Alor Star*]

**MDI: Di manakah Tuan Haji mendapatkan pendidikan di zaman persekolahan tuan Haji?**

IBA: Saya-mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Langgaq sajalah...setakat darjah enam sahaja-tapi masa tu darjah enam pon tinggi lah banyak jadi cikgu pon ada...tapi wan takmau...hooo ceqita dia jadi cikgu masa tu gaji murah kita takmau ah. [*mata wang*]

**MDI: Okay.**

**MDI: Soalan seterusnya pasai latar belakang keluarga. (tunjuk ke arah MEH)**

**MEH: Okay, apakah nama ibu dan ayah wan?**

**MDI: (mengulang semula soalan)**

IBA: Ayah saya abu bin Ismail. Dia kalih balik ja \*merujuk kepada nama\* Abu bin Ismail. Ibu nama Zubaidah Binti Mad Arif-dulu anak sulung orang ganti nama tokwan tu yang Ismail Abu Abu Ismail tu.

**MEH: Ohh—dia recycle [*kitar semula*] balik lah noh (senyum)**

IBA: \*ketawa\* dia banyak orang tua-tua buat lagu tu lah.

**MDI: Soalan seterusnya wan, berapakah bilangan adik beradik wan?**

IBA: Keluarga wan?

**MDI: Ha, keluarga wan—adik beradik wan.**

IBA: Saya tiga beradik ja—saya tiga beradik sahaja. Saya sorang laki-laki dua perempuan sorang telah meninggai tinggal sorang ja ha tu adik beradik saya lah kalau belah orang pompuan (isteri) ramai lagi.

**MDI: Okay [*baik*] jat seterusnya.**

· MEH: Wan kira anak yang ke berapa?

IBA: Anak yang pertama anak sulung anak sulung ah. (senyum)

MDI: Okay [baik] baik seterusnya okay ni pasai perkahwinan wan lah wan punya perkahwinan apakah nama isteri wan?

IBA: Isteri nama Habsah Binti Hasyim dia pon ada sebelah nuh. (tunjuk kepada isteri)

MEH: Dah berapa tahun dalam perkahwinan ni wan?

IBA: Kahwin? Saya kahwin mula tahun enam puluh dua [1962] dok ada lebih kurang lima puluh lapan? Ha lima puluh lapan lima sembilan dah sebab anak sulung saya dah lima puluh lapan. (senyum)

MEH: (ketawa kecil) oh yaka?

IBA: Rasanya kami kahwin dah dekat lima puluh sembilan lah kot—kahwin tahun ni tahun depan boleh anak gutu lah dulu-dulu. (ketawa kecil)

MEH: (ketawa kecil)

MDI: Soalan seterusnya wan, wan mempunyai berapa orang anak wan?

IBA: Oh anak saya ka? Tujuh—anak saya tujuh-beradik empat lelaki tiga perempuan.

MEH: Dalam anak yang wan ada tu berapa ramai yang dah ada cucu?

IBA: Cucu? Semua lah jumlah noh \*senyum\* tiga puluh satu.

MEH: Tiga puluh satu?

IBA: Tiga puluh satu orang semua haa ramai lah noh. (senyum)

· MEH: Okay [baik] noh wan kita boleh tanya soalan umum.

MDI: Ah okay [baik] seterusnya kita masuk soalan umum wan yang ni kira pasai lebih sikit daripada soalan sebelum ni.

MDI: Soalan yang pertama, bagaimanakah wan boleh menceburi bidang silat bunga ini?

IBA: Ahh-jadi macam ni lah saya ni dulu saya ni saya berkawan dengan Tok Guru [Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria]. Tok Guru ni kawan saya saya tak belajaq lagi

dia pon masa tu dok gunting rambut ahh jadi masa tu saya dah pakai moto dah-saya pakai moto awai tahun enam puluh satu (1961) kemudian dia nak pi mana dia ajak kita lah ha dah kawan ni silat tak timbui lagi lah masa tu-ha tu cerita dia jadi saya tolong lagutu lah kenai dia mula tu ha lepaihtu selang berapa lama dia dah dia-jadi orang baru lah.

**MEH: Time [masa] tu tahun berapa wan?**

IBA: Saya belajaq tahun enam puluh lapan [1968] tapi dia mula dia ajaq awai lagi dia mula ajaq tu awai lagi takdak persatuan lagi kira dia ajaq curi lah dia balik daripada Kuala Lumpur ah nii Singapore lagutu ah cerita dia.

**MDI: Untuk soalan yang seterusnya, yang nombor dua untuk soalan umum lah wan. Siapakah idola ataupun inspirasi wan dalam bidang silat ini?**

IBA: Maksud idola ni apa?

**MDI: Idola ni macam wan punya—ni lah wan punya inspirasi lah macam wan punya orang yang wan minat ka atau orang yang wan agung-agungkan menceburি bidang silat ini.**

IBA: Ya lah, agung tok guru yang kita belajaq lah (senyum) sebab dia kawan kita kendian kita pi belajaq jadi kita agung dia lah macam mana pon kendian lepah pada tu adalah lepah kita ' belajaq tu saya dapat sorang kawan yang dok belajaq tu dia 'partner' saya lah...ha cerita dia tu.

**MDI: Oh okay [baik] wan okay [baik] jat (isyarat kepada MEH)**

**MEH: Boleh cerita apa nama tok guru yang wan belajaq tu?**

IBA: Tok guru? Ismail Bin Haji Zakaria..Ismail gak (senyum) Ismail Bin Haji Zakaria dia bekas tentera British Army Singapore dia bawak balik silat ni daripada Singapore [*Singapura*] lah lebih daripada tu saya taktau lah saya tau takat tu ja lah..jangan tanya lah \*bergurau\* kot dia bawak balik dari Indonesia ka apa saya taktau tapi saya belajaq kat dia dia bawak balik daripada Singapore [*Singapura*] dia belajaq kat boss [*ketua*] dia Pegawai Waran ha itu cerita dia.

**MEH: Bagaimakah wan boleh minat dengan silat bunga ni?**

**MDI: Ulang sekali lagi jat.**

**MEH: Macam mana wan boleh meminati silat bunga ini?**

IBA: Minat-jadi macam ni lah sebenarnya wan mula tak minat tu tapi oleh kerana tok guru tu nak terima orang-orang baru hari tu kemudian adik ipaq saya tu masa tu dialah kuat kata “Abang nak belajaq ka?” -mengajuk “Awat?” “ Nak belajaq takpa pi gelanggang barang-barang tok guru nak saya bawak”-mengajuk. Ha tapi kita boleh lebih daripada depa pulak (termenung) adik ipar saya tu mati dah lahir cerita dia lagutu boleh mula minat tu lepaih tu bila saya masuk jumpa tok guru tok guru [*Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria*] pon kata “Aik hang mai jugak”-mengajuk dia kata tapi takpa dah sampai masa nak mai kat saya (berfikir) tapi Alhamdulillah [segala puji bagi Allah] lah kita pegang tangan tok guru [*Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria*] kita mintak bagi kita boleh lah Alhamdulillah [segala puji bagi Allah] sampai boleh jadi gurulatih lah (senyum) ha tu cerita dia sampai dia bawak saya pi rata lah tok guru [*Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria*] ni.

**MDI: Kira waktu wan mula-mula tu wan ada rasa gementar ka nervous. [gementar]**

IBA: (berfikir) Dia nak kat—a tak gementar tara mana lah sebab takdak apa lah gementar tu tak gementar apa lah jadi kita pegang tangan dia [*Haji Ismail Bin Haji Zakaria*] kita mintak bagi jadi elok lah sampai aku ni boleh jadi gurulatih alhamdulillah [segala puji bagi Allah] tuhan bagi kat saya itu saja empat puluh orang masuk sekali saya empat puluh orang sampai la hilang habih tinggai saya sorang ja (mengangkat tangan ke atas) ada yang berhenti ada yang hilang ada yang tak minat ha jadi lagutu setengah-setengah tak minat la-tanya pon lupa habih pon ada yang setengah tu dan depa tak berapa minat (mengangguk) saya boleh mengajaq saya insya-allah [*dengan izin Allah*] la boleh mengajaq cuma tak larat ja-perasaan nak ajaq tu semua boleh ha itu cerita dia.

**MDI: Apakah keunikan seni silat bunga ni bagi wan?**

IBA: Ya lah jadi seni silat bunga ni bagi saya ni kira (berfikir) hebatlah! Tak teringin nak belajar silat lain hat tu ja apabila saya masuk silat ini saya tak teringin dah kawan saya gayong, [*Persatuan Silat Seni Gayong Malaysia*] ka apa ka hampa toksah dok ajaq aku pakai hat ni ja lahir tangan dua kaki dua (menunjuk kepada tangan) saya kata lagutu ja kat depa masuk hat mana pon-ha depa tak kata apa lah hat tu orang panggil unik tu? (bertanya kepada Danial)

**MDI: Ha dia bagitau kira keunikan dia wan (ketawa kecil sambil tersenyum)**

IBA: (ketawa besar) masalah bahasa la saya bukan paham (termenung) takpa lah.

**MEH:** Okay [*baik*] satu soalan ni wan macam sapakah macam wan rasa macam saingen dalam Seni Silat Bunga ni? Kira dia macam lawan lah (berfikir) dia tu kita saing-saing lah lebih kurang kata.

· IBA: (menunduk ke bawah) jadi semenjak apabila dah saya boleh jadi gurulatih tu adalah jugaklah saingen daripada silat-silat lain (mengangguk) tapi (menunduk ke bawah) oleh kerana depa mai-mai tengok saya ada hat guru silat lain mai mai pernah mengaji sekali depa takleh kata pa lah-betui dak (ketawa kecil) depa silat lain lah..Oih memba dia kata ni (mengajuk jurulatih aliran silat lain) jadi takdapa lah takdak pertelingkahan apa lah..hat tu ja.

**MDI:** Adakah wan masih ajaq silat bunga pada masa kini pada masa sekarang lah?

IBA: Masa sekarang ni cuma hat yang dok mai belajaq ngan hat dok mai tanya habaq gitu lah kita nak mengajaq tak boleh kadang-kadang depa mai rumah ada jugak malam pon depa mai tanya-aa lebih kurang..kadang-kadang kita mengajaq sambil duduk mengajaq sambil duduk (senyum) hebat kita pon haa..yang mai tu depa boleh belajaq bila tak boleh mengajaq sebab tak larat hat tu cerita dia.

**MDI:** Kira sekarang ni apa nama-keseluruhan wan bagi kat dia lah mengajaq tu?

IBA: Yang mana?

**MDI:** Yang macam yang tok guru [Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria] sekarang ni lah

IBA: Yang tok guru tu jadi bukan saya apabila tok guru tanya saya dia nak berhenti (mengangguk) sapa nak ganti dia? Saya jawab senang ja kita panggil abang ey [*Ismail*] ja kat dia tak panggil tok guru lah..(merujuk kepada pertanyaan sebelum) “Takkan taktau nilai kot murid sepuluh-ribu lebih sapa yang layak? Jangan bagi kat saya saya takmau!” (ketawa besar). Itu yang saya kata lepastu dia kata takpalah dia nak bagi kat anak saudara dia okay ah okay ah tu takpa lah..marah lah kawan-kawan lain pon marah pasai takmau terima depa kenai kita lah..budak dia pasai budak muda itu sajalah hat tu lah.

**MDI:** Kira waktu tu ada macam depa paksa dak depa suruh wan naik jugak?

IBA: Takdak lah takdak ada pon suara-suara ada lah bunyi hat yang minat kat kita tu depa pasaipa takmau terima tapi kita jawab lagutu lah. “aku anak tujuh pon payah jaga aku nak jaga hat sepuluh ribu ni payah aku kata tu yang aku takmau” haa yang saya takmau jadi lagutu

(ketawa) mungkin rezeki kita pon takdak kot tu kot..rezeki kita takat penolong guru tu ja dalam persatuan pon saya Timbalan Presiden..tok guru Presiden saya timbalan berapa tahun tiga-puluhan-empat-puluhan tahun saya jadi timbalan dok nombot dua kira hebat lah tu (ketawa kecil) hat tu lah cerita dia.

**MDI: Okay seterusnya jat.**

**MEH: Okay, soalan seterusnya wan adakah wan pernah buat persembahan di hadapan orang yang besaq-besaq kenamaan apa semua?**

IBA: (berfikir) Hat tu adalah cuma tarikh ja tak ingat (mengangguk)..Yang besaq sekali depan Yang-Dipertuan Agong. [*Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj ibni Almarhum Sultan Ismail*]

**MEH: Yang-Dipertuan Agong?**

IBA: (mengangkat jari) Dipertuan Agong Johor tu, ayah kepada permaisuri agong\* (Sultan Johor kini) [*Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail*] hat cengey tu (ketawa kecil) saya buat depan dia sekali kemudian Agong Kedah ni [*Almarhum Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah*] dua-tiga kali jugaklah dalam majlis kecik-kecik pasai dia [*Almarhum Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah*] mai dah..ha tu cerita dia kemudian di Dataran Merdeka pon saya main. (termenung seketika)

**MEH: Dataran Merdeka?**

IBA: Dataran Merdeka di dalam persembahan Persatuan Silat-Silat Melayu Kedah lah termasuklah silat lain Silat Gayong silat apa semua ada lah tidoq situ lah kita ha aa cerita dia lagutu lah.

**MDI: Kira waktu tu wan mewakili Silat Bunga waktu yang.**

IBA: Ha (mengangguk) mewakili Silat Bunga lah.

**MDI: Kira**

IBA: Saya dijemput oleh Pejabat Belia dan Sukan..tambang apa semua depa bagi naik bas lagi tidoq free [*percuma*] sana-haa di Kolumpo [*Kuala Lumpur*] ah tu hat Agong ni main di Kedah

[Almarhum Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah] hat main depan Agong tu main di Kedah hat tu dalam majlis makan tengah hari di MADA [*Lembaga Kemajuan Pertanian Muda Kedah*] saja depa bagi special [istimewa] kami sepasang ja dengan tuan guru [*Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria*].

**MEH: Di MADA..Dekat mana MADA?**

IBA: MADA-MADA Ampang Jajar [*Ampang Jajar, Alor Setar, Kedah*] ha situ. (tunjuk sambil mengangguk)

**MDI: Waktu tu tahun berapa wan waktu tu?**

IBA: Tahun ni saya taktau tak berapa ingat (menggeleng kepala) (berfikir) kira tahun ha kalau ingat tahun dia jadi Agong [*Almarhum Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah*] kalau boleh ingat Agong tahun berapa tahun tu lah [*di antara 1970 sehingga 1975*] saya tak ingat dah (senyum) sebab saya tak diari langsung saya jenis diari ni apa pon takdak bagi saya-

**MEH: Masa dia first time [*kali pertama pertabalan Yang-Dipertuan Agong*] jadi agong ka second time [*kali kedua pertabalan Agong*] jadi Agong wan?**

**MEH: Masa dia mula-mula jadi Agong ka kali kedua yang Kedah punya?**

IBA: Kedah ah? Kedah depan hat yang depan pertama lah dia jadi pertama lah depan dia tu haa yang kedua dak lah kita pon meleher dah (ketawa kecil) orang Kedah kata meleher.

**MEH: (ketawa kecil)**

IBA: (mengangguk)

**MEH: Okay [*baik*]**

**MDI: Okay soalan seterusnya adakah persatuan seni silat yang wan jaga waktu tu pernah melakukan persembahan pada majlis keramaian ataupun majlis kenduri?**

IBA: Hat tu..(berfikir) terlampau banyak lah-majlis kenduri ni terlampau banyak lah pernah tahun berapa taktau tu sebulan tiap-tiap hari keluaq sampai makcik (menunjuk kepada isteri beliau) marah.. Sebab saya menikah dan saya buat kantin sekolah pukui 2 saya hilang lah pi main silat sebulan (mengangkat jari telunjuk menggambarkan sebulan) saya diari hat tu duit

main dengan duit kereta beribu lah ai ribu masa tu hebatlah la ni ribu orang tak heran lah kan? (ketawa kecil) (mengangguk) tulah kelebihan dia.

**MEH: Soalan seterusnya wan, apa perasaan wan bila kami pilih untuk temu ramah wan ni?**

IBA: Saya berasa bangga lah orang mai cari gak kita sebab kita takat la ni takdak jawatan pa tetiba orang mai cari jadi nak tolak pon tak boleh sepatutnya saya kena tolak sebab saya tak pegang jawatan apa tapi dah orang nak ambik tau saya Alhamdulillah [*segala puji bagi Allah*] itu lah kita berasa seronok lah bangga lah orang kata..hat tu ja lah apa lagi? (bergurau)

**MDI: Kira sebelum ni ada yang datang temu ramah wan kan yang tu TV berapa wan yang temu ramah wan sebelum ni?**

IBA: Yang hari tu ni TV-hat saya main tu TV TV tiga kot ada persembahan dalam TV tu TV tiga yang baru ni TV Al-Hijrah-TV Hijrah tak tayang gi memang depa nak tayang lah ha.

**MDI: Yang kami tengok baru ni TV tiga Majalah Tiga-**

IBA: TV Tiga hat ada main tu? (membuka tangan tari silat) ha? (bertanya)

**MEH: (mengangguk) ha ya ya hat ada main tu.**

IBA: Hat tu memang depa ambik hat tu untuk permainan sebab depa..sempena tabal Sultan baru-baru ni [*Pesta Rakyat sempena Pertabalan Sultan Kedah ke -29 KDYMM Al-Aminul Karim Sultan Sallehhuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah pada 22 Oktober 2018*] sultan Kedah baru-baru ni hat tu saja-saya pon taktau depa pilih Silat Bunga ni.

**MEH: Pertabalan sultan baru-baru ni Silat Bunga pi sana ka macam mana wan?**

IBA: Dak dak depa buat macam la lah style [*gaya*] orang la ni buat di gelanggang tapi depa buat (mengangguk) lagutu ja tak pi main depan dia [*Al-Aminul Karim Sultan Sallehhuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah*] dak.

**MEH: Kira tak pi main depan dia [*Al-Aminul Karim Sultan Sallehhuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah*] lah noh?**

IBA: Dak (menggeleng)

**MDI: Kira sebelum-sebelum ada dak pelajar ataupun sapa-sapa yang mai temu ramah wan-macam pelajar ada dak wan?**

IBA: (berfikir) pelajar?-kalau tu hat saya cerita hat baru ni ja group [kumpulan] tiga orang baru ni ada lah mai haa hat lain lain tu takdak kot ada pun takdak rakaman apa video lebih kurang depa mai dok sembang jugak bab silat tu [Silat Bunga] kita cerita lah takat kita boleh cerita lagutu saja.

**MDI: Masa berapa jat sekarang?**

**MEH:Masa..sekarang Empat puluh satu minit lagi tinggi**

**MDI: (bertanya) empat puluh satu minit nak bagi cukup sejam ja lagi wan?**

IBA: Takpa-takpa (merenung ke bawah) dia masalah hat ni tak tanya lah kalau nak cerita pon boleh tanya lah sikit kan?

**MDI: Kira wan boleh cerita lah apa wan nak cerita tu.**

IBA: Saya belajaq saya belajar tahun enam puluh lapan (1968) kemudian tamat saya awai enam puluh sembilan..tamat dia orang panggil “pelimau” kalau ikut dalam sejarah silat orang panggil pelimau tahun enam puluh sembilan (1969) kemudian tahun enam sembilan tulah baru dijadikan Persatuan Seni Silat Bunga ni ha jadi apabila jadi tu depa dok rangka lah Pejabat Pendaftaran mau apa reti bunga tapi kita tak berapa campoq pasai kita orang baru betui dak? Depa nak tanya kalau tidak depa takmau benar pendaftaran tu terpaksa kena bagi lah ciri Silat bunga apa erti bunga ha jadi bunga dia saya nak bagi erti sikit lah.. B berjuang-U untuk-N negara- G gagalkan- A angkara.. berjuang untuk negara gagalkan angkara ha itu erti bunga baru depa lulus tidak takmau lulus sebab dia bawak balik daripada Singapore [*Singapura*] nama lain kot ha itu cara dia masatu pendaftaran pon lima empat tujuh [RM 547.00] la dah berapa ribu haa la empat lima angka dah perasan..lima-empat-tujuh saya dok ingat lagi tu cerita dia.

**MEH: Kira persatuan untuk silat-silat Malaysia wan?**

IBA: Yalah yang lain depa buat lah depa persatuan depa..Gayong [Persatuan Silat Seni Gayong Malaysia] aa tu apa nama tang Padang Husain Seni Gayong Tomoi Husain [Muay-Thai ataupun tinju siam] terkenal lah tu Husain tu lagi silat apa?

**MEH: Cekak hanafi?**

IBA: (mengangguk) Silat Melayu Guar tu [*Silat Melayu, Guar Cempedak, Kedah*] lepas tu Silat Melayu Kedah [*Persatuan Dunia Seni Silat Melayu Negeri Kedah*] dulu dok join (masuk) sekali lah dok main dalam pesta dok berebut tapak ngan kami lah pesta nuh..depa nak pentas besaq kami pon nak pentas besaq-depa bagi hat kecik kat kami bebudak saya tiba pecah lampu berapa bijik taktau ah main kayu panjang (ketawa) ha permainan silat bunga ni ada macam-macam ha itu lah itu lah cerita dia.

**MDI: Kira waktu nak daftarkan silat bunga ni ada dak depa rasa macam was-was macam silat ni boleh pi jauh ka?**

IBA: Itulah cerita dia tu yang saya kata dua tiga kali hantaq tu nak gutu tapi masa tu tak berapa kisah sangatlah wakil rakyat pon mari lah puak tu..apa tau Johari Saleh Pokok Sena dulu lepaihtu anak dia Non Johari taktau sangat lah masa tu mudah lah tu (mengangguk) kira mudah lah kalau la taktau lah..tu cerita dia.

**MDI: Kira waktu zaman penglibatan wan kan ada tak wan pernah macam buat perlawanan persahabatan dengan silat silat lain macam sparring macam lama sesama silat depa lah?**

IBA: Dia jadi macam nih-lepaihtu tapi wan takmau masuk campoq lah depa [*Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA)*] wujud satu silat olahraga kemudian silat bunga pon masuk olahraga lah (mengangguk) dapat depa besa dapat jugak lah tapi depa [*Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA)*] mula-mula tunjuk guling-guling lah wan lari depa [*Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA)*] takmau depa suruh jadi apa-- wasit [*pengadil silat*] (senyum) aku takmau pi dua hari “aku tak kelapaq” wan kata (ketawa kecil) wasit orang panggil tu..ha tu lah Silat Olahraga masa tu apa nuh kolumpo [*Kuala Lumpur*] nuh hat pelakon tu apa nama?

**MEH: Yang mana wan?**

IBA: Bukan..ada pelakon (berfikir) Jamaluddin aih apa bin Hassan nuh ingat bin ja apa Hassan taktau dia ada dok jadi dulu ni [*Rahman Hassan*].besa lah pernah pi mesyuarat lah dengan depa tu..apa nama tau Hassan tu bin lupa nama taktau takmau saya kes koi lupa ni (risau)-

**MDI: Dia kira dia pelakon masa tu dengan silat sekali lah wan?**

IBA: Dak dia depa silat lain lah tapi depa wujud Silat Olahraga tu kemudian silat bunga join [*masuk*] sekali kadang-kadang pi mesyuarat tok guru kata (merujuk dialog tok guru) “Hang pi

lah” dia jadi gutu tu yang saya boleh lekat pi sekali dua tu ha itu cerita dia (senyum) depa buat Silat Olahraga lah..Olahraga ni dia banyak silat silat lain pon masuk campoq ah tapi \*spring\* (sparring) [*berlatih lawan*] semua kena main hat depa bagi lah (peraturan Silat Olahraga) dia kita tak boleh tunjuk hat kita (disiplin Silat Bunga) lah.(senyum)

**MEH: Dia kena ikut peraturan hat depa buat lah?**

IBA: Ha...kena ikut hat depa-ada jugak sorang dua dia masuk dia kecoh depa kena batal..”Ni hampa tunjuk hat lain ni!” (dialog pengajur kepada peserta dari Silat Bunga) haa camtu lah ada yang belajaq Taekwondo [*seni mempertahankan diri negara Korea*] apa semua mai belajaq Silat Bunga itu lah cerita dia sana depa lawan Taekwondo [*seni mempertahankan diri negara Korea*] depa habaq hang buat lagu ni hang potong lagu ni lagu ni (cara gerakan Silat Bunga)..pi pi depa ligan saya keluaq ah “ha mai ni awat—guna buah lain” (dialog pengajur Taekwondo)..kita pon dok tengok jugak lah bukanlah kita tunjuk kata Silat Bunga ni pandai — tapi kadang-kadang ada benda yang boleh Taekwondo pon boleh tapi kita kena cepat potong ah (langkah silat) cepat potong masuk lari keluaq hat tu ja apa pon tidak penyepak depa mampoih kita (bergurau) saya tunjuk ni dia dia ni orang yang Imigresen lah (Jabatan Imigresen Malaysia) dia kerja di Imigresen la dok ada di Putrajaya [Wilayah Persekutuan Putrajaya] anak murid nama apa tau lupa dah hai dia mai dok belajaq dulu dia dok bawak mai beras pulut kat kita masa tu dia dok kerja Padang Besaq nuh [Padang Besar, Perlis] nak raya kita makan beras pulut free [percuma] ha hat tu lah dah anak murid bawak mai kan..macam hampa bokmai buah dia bokmai buah tadi (menunjuk kepada Danial sambil ketawa) haa cerita dia lagutu lah lebih kurang lah apa lagi?

**MDI: Hang tanya extra [tambahan] lagi jat.**

**MEH: Okay yang wan kata maksud bunga tu dari mana maksud dia datang?**

IBA: Tulah masa tu lah jawatankuasa silat bunga hat lama-lama tu dah orang nak nama dia saya buat “BUNGA” depa lah buat bunga tu nak bagi tajuk bagi munasabah tu tau kut..asai dia bawak balik mai bukan nama bunga daripada Singapore [*Singapura*] tu nama Sendeng [*Seni Silat Sendeng Malaysia*] silat ni nama sendeng.

**MEH: Silat sendeng?**

IBA: Ha tapi ada jugak sendeng bunga guna hat tu lah tapi dah dia balik dah start [mula] nak buat tu nama tu tu apa tu kerajaan mau nama tu tu yang dijadikan persatuan seni silat bunga tu

wujud di Kedah ja silat bunga ni Kedah ja ha la baru masuk Malaysia lah ni..sebab kita dah buka gelanggang kolumpo [Kuala Lumpur] ada kolumpo dua tiga tempat dah buka tu..ha itu cerita dia kelebihan bunga tu kita tak tau tara mana.

**MDI:** Ah jat yang ni kita straight [*terus*] dua jam teruih ka?

IBA: Ha nak buat tu lebih kurang tak sampai dua jam pon takpa (bergurau).

**MEH:** Yang tu tak sure [*pasti*].

**MDI:** Sebab soalan tadi pon dah masuk sesi dua so [jadi] kita nak tanya soalan lain dulu ka?

**MEH:** Okay ja

**MDI:** Okay apa..tinggai lagi berapa minit?

**MEH:** Tinggai lagi –3minit.

**MDI:** Lagi dua puluh tiga minit?

**MEH:** (isyarat jari 3) tiga-puluh-tiga minit (senyum)

IBA: Sat noh nak sejam

**MDI:** Soalan yang terakhir lah wan-

IBA: Aih takpa (senyum)

**MDI:** Wan pernah berlawan dak dengan sapa-sapa macam one on one [*satu dengan satu*] ?

IBA: Dia macam ni lah...lawan tu dak perbalah--persahabatan dengan tempat kenduri tu pernah main dengan silat lain haaa depa mintak kita bawak budak silat lepaihtu juruacara mintak tok guru Silat Bunga dengan tok guru haa hat tu ada (berfikir) main tapi sama-sama beringat lah ha itu cerita dia bukan lawan takdak saja-saja lawan takdak lah orang jemput main lebih kurang main persembahan-

**MEH:** Kira main tari (*langkah pembuka silat*) ka apa wan?

IBA: Tari pon boleh tak tari pon boleh (mengangguk) tari ni selalu saya dok main persembahan pengantin depa letak pengantin depa suruh kita buat sorang tari haa pernah lah saya buat di

Perlis habih habih saya berhenti mai satu orang perempuan pertengahan umoq dia kata “pakcik..makcik teriak ni tengok adik ni” “pasaipa?” “sedih” dia kata ha tu cerita dia berlaku , sampai tara tu lah (ketawa) haa sembah pengantin ni kira kalau pi di mana pon saya kena buat lah sebelum main dengan silat main pasangan kan ha pasangan lain (silat berpasangan) saya main pasangan dengan kawan saya tu kami dengan pasangan saya tu kami main melawak (senyum) bagi orang gelak ja.

**MEH:** Tinggai berapa (minit) lagi jat masa?

**MDI:** Tiga puluh dua minit? Oh bukan tiga minit?

**MEH:** Bukan bukan tadi (senyum) tiga puluh tiga

\*suara Isteri\*

IBA: Dak ni depa tak tanya lagi-

**MDI:** Hat tu yang soalan seterusnya.

IBA: Depa tak tanya toksah dok cerita lah (bergurau sambil ketawa kecil)

**MDI:** Yang tu sebab ada lagi soalan yang tu memang fokus untuk Silat Bunga..yang umum (soalan) macam yang wan pernah hadapi haa yang tu lah. (senyum sambil menerangkan proses soalan)

IBA: Kalau nak tanya tu tak pa lah sat lagi macam cara nak masuk belajaq apa tu ada lah kan?

**MEH:** Ha wan (mengangguk)

IBA: Nak cerita la ka satgi?

**MDI:** Yang tu kami cerita yang nak masuk sesi kedua satgi-

IBA: Takpa satgi tanya lain (mengangguk)

**MDI:** Sebab bila sesi kedua ni kira banyak lagi lah kami yang nak gali (merujuk kepada temu bual) ada apa-apa lagi jat soalan yang nak ditanya?

**MEH:** So far [*setakat ini*] takda apa

**MDI:** Takdak apa kira kita pikiaq soalan yang apa yang guru sekarang ni sekarang ni lah kan guru sekarang ni kiranya dia dok mengajaq lagi lah dekat sana?

IBA: Ya dia masih mengajaq lah (mengangguk) tapi la ni berhenti lah covid [*Virus Covid-19*] ni (gelak) banyak gelanggang ah ni di Kedah ni pon banyak..rata tempat.

**MDI:** Kira ada berapa gelanggang kat area sini wan sini dengan luar ka? Wan boleh cerita?

IBA: Gelanggang dia saya ingat banyak...yang saya ingat...selepas saya jadi gurulatih tu tok guru bawak saya pi mula gelanggang selain daripada Langgaq [*Langgar,Alor Setar*] gelanggang pertama di Tok Kelin [*Kampung Tok Keling,Alor Setar*] habis Tok Kelin balik mai di Bukit Tinggi [*Bukit Tinggi,Kubang Pasu,Kedah*] tu hat cerita lama lah bukit tinggi saya dok pi mengajaq lah lepaihtu lepaih Bukit Tinggi depa buka di...Megat Dewa [*Mukim Megat Dewa,Kubang Pasu,Kedah*] hasan-san tak start lagi lah bawak mutu pi bawak besi kalau hujan kena culik ah (bergurau) sanggup pi berani pulak tu sorang...Padang Hang [*Kampung Padang Hang,Alor Setar*] Batang Knang ada gelanggang Permatang Kong [*Kampung Permatang Kong,Ayer Hitam,Kedah*] ada gelanggang dulu ni semua ada tu lepaihtu Megat Dewa giliaq ah pi dengan tok guru [*Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria*] sampai situ “ha hang tinggai aku tang ni hang pi sorang di Megat Dewa nuh” lagutu (senyum) minggu depan “hang dok sini aku pi sana” ha lagutu lah cara mengajaq tu..ha kemudian depa kata sampai tahap yang kami dok pi mengajaq Megat Dewa tu sampai dah tamat pelimau [upacara syarat graduan Silat Bunga dan silat-silat lain] dah boleh jadi tok guru sorang dia buka gelanggang di Langkawi (tunjuk ke kanan) dia sanggup dia kata boleh buka dia kata situ tahun tujuh-puluh-tiga (1973) Langkawi buka tahun tujuh-puluh-tiga (1973)..Saya dok pi dengan tok guru orang lain takdak lagi lepaihtu minggu ni dia minggu ni saya lagutu lah kira Jeti Langkawi kayu dok guni lah. (menggerakkan badan kiri ke kanan menggambarkan struktur kayu dahulu Jeti Pulau Langkawi)

**MEH:** (ketawa besar)

IBA: Ha! Kalau macam la takpa lah langkah-langkah kayu tu mutu turun naik mutu lah bukan ada apa kita pon tak hairan bas ada sebijik masa kami dok pi tu.

**MEH:** Langkawi dulu-dulu lah noh?

IBA: (mengangguk) Ha tu cerita dulu buka di Temonyong [*Temonyong,Pulau Langkawi*]

**MEH:** Te-mo-nyong?

IBA: Temonyong kira masatu kawasan hitam tu-diorang cabar kalau kata depa ni boleh tamat depa nak makan kambing tapi tok guru cabar kata “kita mengajaq ni sampai boleh kita makan lembu” (ketawa) Alhamdulillah [*segala puji bagi Allah*] (ketawa)

**MEH: (ketawa bersama) he he he**

IBA: Ha berjaya budak-budak tu hat yang mana samseng-samseng jadi baik habis masuk belajaq pulaktu (menunjuk ke arah kanan sambil senyum) masa sebelum tu cerita pi ah noh.

**MEH: Ha wan cerita pi (mengangguk)**

IBA: Rokok sebungkuih rokok sebungkuih pon dia katok orang masa tu..Temonyong [*Temonyong,Pulau Langkawi*] tu ha pukui-pukui tapi la lepah depa masuk hat jadi tu masuk belajaq dia boleh jadi jurulatih (memusing tangan) apa semua di Langkawi hat tu yang hebat tu kelebihan dia tu kelebihan Silat Bunga hat tu ja lah dia boleh bentuk.

**' MEH: Dia bentuk disiplin apa semua lah wan noh?**

IBA: Haa lah tapi kita ya lah kita dari segi apa ni pon kita dari segi ugama [agama] apa semua kita selit lah “hampa takleh buat lagu ni buat lagu ni” kan ha itu cerita dia mungkin tu ah kot jadi elok kot..saya pi Langkawi la cucu saya kata apa “kalau wan pi Langkawi saya takmau orang sambut” kawan ni panggil mai rumah dia baru ni chalet [*penginapan yang berstruktur kayu*] tidoq free la ni sampai lah pi lah ha tara tu budi depa kita takleh balaih orang Langkawi ni depa baik.

**MEH: Alhamdulillah lah wan noh.**

IBA: Depa mai sini [*Langgar,Kedah*] depa tak pernah tak belanja kita...ha Alhamdulillah [*segala puji bagi Allah*] bukan takat kat kita ada sorang tu cucu saya mai daripada Kuala Lumpur sampai naik di airport [*lapangan terbang*] taktau nak pi mana lepas turun daripada airport Langkawi tu taktau pi mana ada hat sorang tu..telepon saya “wan nak buat macam mana ni” “awat” “ni taktau pi mana dah” “hang tunggu sat satgi ada orang pi ambik” kata kat dia saya telepon kawan baik tu dia pi—dia tanya nak kenai lagu mana saya kata “pi lah tengok hat pelik-pelik kena bagi salam” bila pi bagi salam dia kenai dia bawak balik rumah dia bagi makan hampa nak pi mana kereta dia bagi tudia sampai macam tu... tu dia kata “uish kawan wan baik” dia kata ha Alhamdulillah [*segala puji bagi Allah*] sampai la tu cerita dia Langkawi ni.

**MDI: Kira-kira ramai gak ah yang kenai wan ah?**

**IBA:** Langkawi ah?

**MDI:** Ha Langkawi ka daerah-daerah (Kedah) lain ka.

**IBA:** (senyum) Memang depa kenai kadang-kadang depa kenai nama..orang rupa tak tengok pon ada (mengangguk) tok guru [*Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria*] pi mengajaq depa buat cincai.

**MEH:** Ya ya (senyum)

**IBA:** “Ha mai Ey [Ismail] Abu mampoih” dia kata depa buat gutu (menunjuk ke skrin) tok guru tu gempaq depa “hampa buat cincai-cincai mai ey [Ismail] abu hampa mampoih la” ha depa dok dengaq ey abu ey abu lah tapi kebanyakan yang kenai lah (senyum) yang kenai nak tu tak banyak lah dah saat-saat belakang ni saya kurang pi tu memanglah depa dengaq nama sahaja itu ja.

**MDI:** Kira depa dok panggil apa ey abu? [Haji Ismail Bin Abu]

**IBA:** ey abu pak ey abu (senyum) ha gutu lah pi kampong mana pon pak ey abu pak ey abu tu ja yang tak kenai pon ada pak ey abu tau-tau saya pernah jumpak satu kawan dia belajaq silat bunga sembang pi sembang mai dia kata “saya ni kenai lah jugak sikit-sikit nuh pak ey jugak pak ey guru tu [*Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria*]” “sorang gi?” “pak ey abu” “kenai ka?” “besa sembang sekali dua” saya kata “ni pak ey abu ah” dia mengucap hat tu ah cerita dia sampai tara tu..tu menunjukkan kata ramai ahli tu ramai insyallah [*semoga allah permudahkan*] lah la berapa belaih ribu tapi taktau lah buku takdak kat saya..apa lagi?

· **MDI:** Kira sekarang memang ramai lah yang join silat bunga tu? (isyarat pertanyaan sambil berfikir) yang join Silat Bunga ni tu?

**IBA:** Kalau semua tu aih belaih belaih ribu dah tu (berfikir) dia sekali tamat dua tiga puluh orang punya jumlah semua..gelanggang langgaq tu cerita dia langgaq tu lah saya belajaq kali yang ke tiga tu tok guru [*Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria*] timbang beras kemudian baru ni depa tanya saya “berapa?” “kali enam puluh lebih dah” tudiaa (kagum) haa.

**MEH:** Dia berkembang tu (membuka tangan kiri dan kanan)

**IBA:** Dia (latihan) enam bulan ja habih enam bulan ada orang masuk ada orang nuh masuk! Dia tak putuih lah kalau habih paling koman pon empat-lima-belaih orang ada enam puluh berapa saya tengok kat gelanggang tu saya mengajaq trip yang ke-tiga kira nombor ahli saya

dalam pendaftaran nombot empat belaih la kira hebat lah (senyum) ha dia jadi gutu lah saya nombot empat belaih.

**MEH: Kira orang kata dia macam perintis awai-awai lah nombor 14 tu?**

IBA: Ha empat belaih kira ya lah dia mengajaq sebelum jadi persatuan pun dua belaih orang la tapi depa tu masa tu masa dah buat gelanggang nak daftat [*daftar*] depa lambat bagi kita bagi awai nama dah sebab tu kita nombor empat belaih tu kalau ikut ku tiga-empat puluh dah lah sebab hat yang pertama tu dua belaih orang hat yang kedua dalam dua puluh orang hat trip saya tu empat puluh ha empat puluh orang sampai tamat enam bulan..tu cerita dia gutu.

**MDI: Kira yang sekarang ni ada saya tanya cucu wan yang dia kata wan dok ajaq hat orang ataih-ataih lagi (menunjuk isyarat atas) tu kira betui ka wan?**

IBA: (mengangguk) Ha depa main tu ah ada lah sorang dua mai...dia banyak macamni depa belajaq di gelanggang tari (gerakan) pon depa tak berapa boleh yang minat tari tu depa mai lah baru ni pensyarah mai sorang pensyarah (berfikir)....matrikula—apa taktau tang Jitra apa Kolej Komuniti.

**MEH: Oh kolej komuniti.**

IBA: Dia belajaq guru yang ajaq tu tak berapa pandai tari tu dia minat dia mai ah dia bawak dengan video semua saya dok pakai kain saya pon nak pakai seluaq nanti depa tanya “tok guru apa nanti depa pakat gelak” dia pon gelak ha dok belajaq tari haa memang la masa kita mengajaq budak-budak la ni dia kata tari untuk buatpa depa kata takmau lah tari ni nakndak. (gaya tari)

**MEH: Depa hat nak yang lawan ja wan.**

IBA: Ha nak hat lawan-nn hat tu ja lepaitu bila depa boleh hat lawan depa tengok dalam tari tu saya kata “hampa boleh tari ni lawan pon hampa boleh” dalam tari ni ada buah (gerakan) lawan tu ha..la mai jumpak kita pulak...ha lagutu cerita dia.. depa pi jadi gurulatih tu kawasan tu budak yang belajaq setengah pandai daripada depa silat bunga apa ni takdak bunga ha dia mai ah nak tunjuk bunga mai dok belajaq kat kita pulak hat sorang sampai tiga hari takleh pi jamban [*tandas*] dia kata sakit pelipat mai dok belajaq tang ni (tunjuk ke arah laman) haa la ada dok kolumpo [*Kuala Lumpur*] di Bangi dia nak buka di Bangi perasan (mengangguk) tapi la takleh bukak nak buatpa.

**MEH: Betoи-betoи.**

IBA: Dulu bebas ha la semua stop [*berhenti*] habis ah Silat Bunga ni..silat apa pon stop bukan setakat silat bunga (ketawa) tak benar pi dok berhimpun mana orang benar [merujuk kepada larangan berhimpun Perintah Kawalan Pergerakan] ha itu cerita dia gutu lah lebih kurang lah cerita tu cerita luar lah noh takdak apa lah tu.

**MEH: Dia nak bukak gelanggang dia ada syarat-syarat dak wan?**

IBA: Hat tu ada lah..syarat dia gelanggang pon nak kena buat nak kena tok guru pi baca [*ayat Al-Quran*] sikit lah gelanggang tu lengkong (isyarat pusingan bulatan) pagaq sikit takut orang mai ha hat tu cerita dia kemudian syarat nak masuk tu kena malam tiga belas bulan melayu. (Kalendar Hijrah)

**MEH: Tiga belaih bulan?**

IBA: Melayu.. tiga-belaih-empat belaih-lima belaih (13,14,15) tiga malam tu kena pi...malam pertama tu kena bawak lah (berfikir) limau asam limau tu tiga bijik-benang sekampoi benang putih jarum secucuk..ha tu syarat dia nak timbang beras tu ha..limau ni kena perah buh dalam mata tiga malam tiga bijik lah kemudian dia kena pi sampai enam bulan tamat dia lapan belaih bijik lah..kemudian kalau dalam lapan belaih tu kita gugur kita pi mana-mana lupa mai buh out [*keluar*] lah tak register dah lah hang kena masuk lain kalau hang nak mai belajaq jugak hang kena mula balik satu balik ha tudia syarat dia.

**MEH: Kena tunggu tiga belaih bulan depan pulak noh?**

IBA: (mengangguk) kawan yang sekali belajaq dengan saya tu..malam yang ke tujuh-belaih tu dia lupa malam ke tujuh-belaih tu dia lupa.

**MEH: Allah (senyum)**

IBA: Tak mai..mula balik satu lah (jari melakukan pusingan) kalau hang nak belajaq mula balik satu balik kita kita boleh jadi hero [*wira*] (bergurau) hang tu dok jadi tu lagi ha tu cerita dia (ketawa kecil) Silat Bunga ni..kalau orang dok ikut dengaq bunga ja orang kata takdak apa lah kot bunga tu gutu ja lah tari apa semua lagutu ja lah bunga tapi dalam bunga tu dia jadi buah dah lah..ha tu cerita dia apa lagi?

**MDI: Macam..ada dak macam cikgu silat lain dia pernah datang kat wan mintak tanya macam silat bunga macam cikgu yang guru-guru silat lain dia pernah mai jumpak wan?**

IBA: Dia jumpak tapi depa pon tak tanya apa lah depa pon nak jaga imej depa lah.

**MEH: (senyum) depa punya silat.**

IBA: (senyum) haaa kita pon nak jaga gak kalau hang gayong gah Malaysia semua nak tanya Silat Bunga ada apa dia tak berani nak tanya (tepuk meja) tapi orang Gayong mai belajaq Silat Bunga ada hat bunga pi gayong takdak kalau ada tu perasan pi curi-curi tu ja (mengangguk) Silat gayung banyak depa tamat gayong mai belajaq silat bunga haa mai depa bawak buah gayong mai campoq boleh terbang Silat Bunga naik nama gak lah..depa main boleh flip kot depan kot belakang semua tu boleh saya pon boleh ajaq tapi saya takleh buat lah (ketawa besar) takat rolling bodo tu boleh.

**MEH: Wan muda-muda dulu mesti boleh ah?**

IBA: Muda-muda pon boleh sikit-sikit takkan nak terbang dari sini naik (bergurau sambil menunjuk tangan ke atas) basikal tu boleh lompat lepaih lah terbang dulu masa muda..saya muda pon saya belajaq saya umoq tiga puluh dah masa belajaq saya anak tiga dah masa belajaq tu baru minat!

**MEH: Kira muda lagi lah tiga-puluh tu.**

IBA: Ha tiga puluh lah tahun,,muda lagi tiga puluh (senyum) lebih kurang umoq tiga puluh la okay lah hang gempaq tak lari la masa muda dulu...(menggeleng kepala kiri kanan) dulu jalan ni sapa berani balik hantu ja hutan ja ni (bergurau) betoi (menunjuk ke arah kanan) saya dok dalam nuh balik mengajaq..tapi pisang potong limau tu boh depan gak la sambil pakai vespa ulaq sawa lintaih lari patah balik kes vespa ha tu cerita dia masa muda.

**MDI: Time tu kira wan steady ah time tu? (senyum)**

IBA: Time [waktu] tu “bujoq lalu melintang patah” [orang yang tidak takut akan segala cabaran yang bakal dihadapi] (senyum) ha cakap betoi! Kampong saya tu ada orang cabar dia..dia kata “aku takmau belajaq aih Silat Bunga ni!” (mengerut dahi) “benda apa!” kemudian dia kata “kalau hang mau lawan ngan aku hang menang baru aku nak belajaq!” ada jugak sampai tahap tu..saya kata okay [baiklah] bawak keluar surat sign [tandatangan] hang jadi apa bini hang jangan tuntut apa aku pon yang tu jugak..takmau tau tau pi depan buka tau dia pi belajaq saya kata “hang sama ngan aku lah malamni” tau dak tolak pi lah budak lepas perlimau [adat graduan Silat Bunga] tolak dalam gelanggang habaq budak-budak ha pakcik ni hampa sapu (senyum) depa hentam lah kita dok ada buat taktau ja ada sampai tahap tu..ha tu lah tu

pencabar lah ha kemudian kawan yang dok main ngan saya tu pon dia kerja tukang kebun sekolah dia cabar saya gak “aku takmau belajaq lah silat bunga” dia kata dia belajaq silat lain lepaihutu takpa aku bukan dok paksa hang pastu saya tarik adik saya kemudian guru besaq warga emaih duduk dalam sekolah tu pi belajaq lama-lama dia hah “guru besaq pon belajaq?” last [akhir] sekali dia serah lah ha...dia dah boleh dah silat lain tapi dia kemaih lah Alhamdulillah [segala puji bagi Allah] last sekali jadi partner [pasangan silat] saya baik cukup baik dah tapi mati dah..nama Salim-Salim Saad kira dia pon boleh pi dok mengajaq rata jugak lah (sayu) tu cerita dia yang tu jenis dia lagutu lah yang ni hat pelik-pelik dulu lah tapi saya tau silat lain takdak lah berlaga dengan kita takdak lah..sebab masa tu kalau depa pi pon depa jumpa tok guru [Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria] tok guru ada lagi kita jadi orang bawah ja ada jugak lah ha tok guru buat selesai habis lah macam tu kemudian sampai tok guru-tok guru saya di kolumpo [Kuala Lumpur] pon mai..Pegawai Waran-Pegawai Waran 2 tak salah pakcik yaakob ha dia belajaq kat pakcik yaacob tu lah dia mai dia cari kita ha dia kata “ini orang boleh jadi kekel” kita dok sembunyi lah (senyum) dia tau ha dua orang tok guru sana dia kenai..mai besa mai pakcik anwat tu besa mai dia nak makan sayoq keladi orang pompuan saya buat sayoq keladi dia makan dua keto (jari isyarat dua) orang puan kata (tak padan aku buat!) ha dia jenis bukan makan sangat dia banyak dengan selawat ja duduk tu.

**MEH: Oh dia ada step-step dia nak makan cara cara dia?**

IBA: Ha...Pengerang [Teluk Ramunia,Pengerang,Johor] dia dok di Pengerang hat tu-pakcik anuat ni dalam Kuala Lumpur lah eh Pakcik Yaacob dalam Kuala Lumpur lah dia bekas tentera Pakcik Anuar dak dia orang kampung dia apa Pengerang Pengerang..dia mai kita pon terkejut dia mai pakat dok pi dok tunjuk budak-budak dalam gelanggang sikit sikit kan saya pi saya tak masuk saya pakai kain! Dia kata apa “ini orang ya takdak titik” dia kata kat saya ya takdak titik “ini orang boleh oh” dia kata dia tengok gutu ja! “ni ya tadak titik” takpa ah dah tiga empat malam baru saya masuk masuk-masuk dia kata ha hampa tengok dia masuk malam ni pon boleh dah pi kat dia malam esok Pakcik nak bawak dia (merujuk kepada Haji Ismail) pi Langkawi..dia bawak pi Langkawi ah (ketawa besar) mai mintak kat orang puan saya dia nak bawak mai pi Langkawi orang puan kata “bawak pi kot mana pon” ha sampai tu dia kenai orang dia kenai orang ni boleh tak boleh ha tu ilmu dia jenuh (kagum) tapi dia payah bagi kat kita kemudian saya tanya “alamak dia ni payah bagi noh” “ha dia payah” (jawab Haji Ismail) “tapi kalau dia rajin gosot belakang hang pon takpa dah orang tua tu” belakang kerap kena gosot dah! (bergurau dan ketawa besar) Oih boleh terbang tu [Pakcik Yaacob] masa bergaduh di

Singapore [*Singapura*] tau tau dia ada dalam tu masa bergaduh di Singapore [*Singapura*] cina apa tu dia ada dalam tu..pi kot mana taktau depa hairan.

**MEH:** Rasa yang tu sebelum merdeka kot wan noh?

IBA: Ohh hat tu depa belum merdeka lah..terbang hat tu hat tu lah kelebihan dia [*Pakcik Yaakob*] tapi dia besa mai rumah saya dia besa mai kemudian sekali tu dia nak pi Langkawi puak Langkawi ambik dia sampai tang tu Langkawi budak tu habaq kata pak mail abu mati ha kita pi rumah dia dulu tengok-tengok dengan cendoi (pusingan tangan) “orang tua ni sapa habaq kat dia!” ha dia mai dia dia tau nama saya dia mai nak pi Langkawi tu oh pi “rumah mail dulu lah” kita pon terkejut (ketawa) dok Johor hang boleh sampai mai time pak aku mati ni! Ha itu lah kelebihan dia..dia macam apa orang panggil ada ilmu macam tu lah dia kenai orang pasai dia kenai orang jumpa kita mula pon kenai dah kita pon tak kenai dia dia kenai kita okay? [*baik?*]

**MDI:** Ada berapa minit lagi jat?

**MEH:** Sembilan minit lagi. (senyum)

**MDI:** Sembilan minit lagi ooo sikit lagi wan sejam lagi sembilan minit gi.

**IBA:** Ya?

**MDI:** Ada lagi sembilan minit lagi.

IBA: Takpa lah. Nak makan buat ayaq? (bergurau) kot nak minum ayaq ka orang nak suruh orang puan buat saya lawak sikit lah minta maaf.

**MEH:** Aih takpa. (senyum)

IBA: Saya cakap lagutu..haritu temuduga dengan TV [*televisyen*] pon kita takdan tanya kita tanya depa balik (ketawa) kemudian depa bagi satu ayat (tangan gaya menulis) kat saya boleh dak ayat ni kemudian kalau tak boleh depa cut [*potong*] lah kemudian saya baca elok ja satgi saya tanya depa pulak “okay?” dia kata “pakcik jangan kata okay lah kami kata okay takpalah” (ketawa besar) jadi macamtu “kami kata okay takpa pakcik jangan kata okay pakcik baca sudah” hadoii (senyum) ha..

**MDI:** Tu kira orang kata pengalaman lah wan?

IBA: Ha pengalaman gitu lah (merenung kebawah) pengalaman ni nam.

**MEH: Tengok muka masuk tv seronok dak pakcik?**

IBA: Ha jadi ah tu tu pon telefon satgi anak tu “oi ayah sakan member masuk tv dah!” boleh lah depa dok kolumpo “hampa tau aku takdak aku telefon aku takdak telefon aku boleh mengail lembu ja gambaq takdak!” (bergurau) gambaq takdak gitu ja..saya (nada tukar serious) saya masuk belajaq saya anak tiga lepaihtu dalam belajaq tu saya dapat sorang pulak time [waktu] sembilan perlmai [*adat sebelum graduan Silat*] saya dapat sorang pulak perempuan dengan tok guru [*Allahyarham Ismail Bin Haji Zakaria*] lah mai belah mulut [*upacara tahnik*] belah mulut lah kan tapi keberkatan tu bukan nak kata dia tu pandai dak keberkatan orang lain sama lah tok imam pon mai pakat belah mulut dulu ni orang belah mulut letak kurma apa Alhamdulillah [*segala puji bagi Allah*] boleh pi luaq negeri anak saya hat tu..

**MEH: Alhamdulillah noh.**

IBA: (senyum) Dia pi England empat tahun ha alhamdulillah lah la ada dekat Putrajaya ha tulah..kalau tanam durian ni dapat lah musang king [*jenis variasi durian*] sepokok! (bergurau) musang king lah orang panggil kan ulaih elok hat tu la dia dok Putrajaya..dia dapat suami pon Kapten MAS gaji berapa puluh ribu saya taktau kita takmau tanya (senyum) depa bagi duit takmau tanya-tu kereta (menunjuk ke arah kereta) dia beli bagi tu saya tak tanya berapa ribu satgi hampa beli aku dok tanya pulak buatpa..beli bagi kena pakai lah itu cerita dia.

**MEH: Depa beli bagi kena pakai lah noh. (senyum)**

IBA: Dia buat rumah la ni di Putrajaya tiga juta (RM 3,000,000)..saya marah kata “hang ambik duit mana ni” haa tiga juta tiga lapis tiga tingkat ha baru ni saya jammed [*sangkut*] rumah depa sebulan nak balik takleh mula-mula covid tu [*Virus Covid-19*] hat baru ni..pi rumah dia sebelum nak dok lah dua tiga hari lepaih dua tiga hari dia umum takleh pi mana sa-bulan dok situ.

**MEH: Sangkut sebulan dok sana?**

IBA: (Menggeleng) sangkut sebulan..dia nak ambik surat balik hantaq lah lepaih tu nak dijadikan cerita ni tuhan ni nak tolong kawan saya S-P-R-M [*Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia*] pi buat kerja di Langkawi tangkap apa tau dia tau saya “pak mail nak balik ngan apa?” kata “mana aku boleh balik!” kata kat dia balik ngan dia lah (senyum) pastu balik ngan dia lah takpa selamat lah anak saya pon lega hampa tak gaduh hantaq dah balik hantaq sampai depan tu (tunjuk ke kiri) (ketawa besar) nak bagi duit minyak dia kata “minyak kerajaan boh

dak kereta dia” dia dok dekat ni ha tu kata rezeki..tidak depa lah nak kena balik hantaq hantaq surat balik sebulan lah bulan satu sampai bulan dua. [Januari-Februari].

**MEH: Kot mana pon kita rindu rumah wan noh.**

IBA: Padia?

**MEH: (mengulang semula)**

IBA: Beto!,rumah hampa besaq pon aku tak gaduh aku teringat rumah aku dalam hutan ni (senyum) dok habaq kat depa gutu lah dok situ sebulan seduit tak habis ah nak makan apa nak pi beli apa hampa yang dok beli bawak balik makan ja sebulan tak gaduh seduit pon! Baju pon pi beli lagi..tengok baju panas takdak pi beli baju panas nak beli baju lain apa tak bukak Alamanda tak bukak..alhamdulillah hat tu lah la ni dok kata dok bank-in [*masukkan wang*] boleh sembang deriah sikit pon bukak saya buat apa dah-kita meniaga pencen takdak gaji tapi adalah aset kita sikit-sikit tau dak kita beringat awai sikit boleh lah takat seribu sebulan tu ni dia pulak dok bank-in seribu Alhamdulillah la dua ribu kata pencen aku dua ribu ja la ha tu lah..tu kata rezeki.

**MEH: Rezeki Allah bagi.**

IBA: Ha kawan kawan kot ni kata “hang buatpa ey [*Ismail*] dok senang ja” “takdapa makan ja lah” saya buat kantin empat puluh tahun kantin sekolah (menunjuk jari empat) empat-puluhan-tahun dua sekolah ja sekolah ni dengan sekolah nu..cikgu tak tu kata rezeki tuhan bagi kat kita kita kena syukur ah dengan tuhan ni betoi dak dari segi apa pon. Okay? [*baik?*]

**MDI: Berapa lagi jat?**

**MEH: Lagi empat minit.**

**MDI: Empat minit uish lagi sikit lagi wan.**

IBA: Nak habih dah?

**MDI: Ni untuk sesi pertama lah.**

IBA: Oh sesi pertama (terkejut)

**MDI: Satgi sesi kedua kami tanya lagi dalam pasal silat ni.**

IBA: Pulak dah (terkejut) (menggaru kepala)

**MDI:** Yang pasai silat yang saya kata tadi.

**IBA:** Takpa lah.

**MDI:** Untuk sesi satu ni macam pengenalan wan pernah ha tu lah satgi tu yang kami orang kata apa..cerita lagi dalam lah.

**MDI:** Empat minit lagi jat?

**MEH:** Sekarang tinggai tiga minit empat puluh dua saat.

**MEH:** Wan la sihat lah noh tak sakit apa?

**IBA:** Haa dia sihat lah ada jugak lah kilang gula ada. [*kencing manis*]

**MEH:** Kilang gula. (ketawa kecil)

**IBA:** Kencing manis (senyum) ha tu ada jugaklah adalah sikit tapi darah tinggi takdak jantung takdak gula ja gula tinggi jugak kadang-kadang tinggi kadang-kadang rendah gutu jalah hat tu lah kencing manis lepaihtu dia tak larat kes tua lah kot urat-urat ada lah lenguh-lenguh tu ada lah sakit tua orang panggil kena umoq saya [*82 tahun*] dok di rumah selimut pon ada dah betoi dak?

**MEH:** Betoи-betoи.

**IBA:** Takleh pi mana dah depa tengok saya naik moto setengah depa heran macam orang muda pak ey [*Ismail*] ni ayah saya dok selimut ja di rumah tu tulah tuhan bagi boleh setengah dia nak jadi lumpuh setengah lagi.

**MEH:** Lupa.

**IBA:** Lupa pon ada kita pon ada lah sikit-sikit lupa tapi taklah sangat tapi kadang-kadang kita lupa lah ingat dak cerita mesyuarat tadi penyanyi tu Rahman Hassan [*A.Rahman Hassan*] baru ingat Rahman Hassan ingat balik lah lupa habis terus lupa tadi ingat hassan ja Rahman Hassan lagu pa dia nanyi tu (bertanya kepada kami)

**MDI:** Kira lagu pop yeh-yeh lah?

**IBA:** Ha pop yeh-yeh zaman tu pop yeh-yeh lah [*Genre Pop Yeh-yeh Malaysia tahun 1960*]

**MEH:** Ohhh 70-an 80-an lah noh.

IBA: Hat lapis baru kita taktau la lapis Rock ni (berfikir) Mawi

**MDI: Pelapis la macam-macam dah**

IBA: Sapa baru kena tangkap tu apa nama (berfikir) Awie [*penyanyi*] ?

**MDI: Awie?**

IBA: Kes polis? Ya lah dia buat persembahan tak permintaan kot taktau cerita ada tengok dalam TV tu..Awie tu dia samseng..Awie kita kenai dia dia orang jadi tok ayah [gelaran] dia orang tiga puluh (30)

**MEH: Ya ya tau tau. (ketawa kecil)**

IBA: Awie..samseng nak jadi Tok Ayah jangan lah dok samseng tau dak?

**MEH: Besa besa dah lah noh. (senyum)**

IBA: Bukan jadi samseng jadi Tok Ayah orang tiga puluh ni tau dak nak bentuk jadi elok campoq dengan cina lah tiga puluh enam lah tiga puluh berapa lah semua ada tu Awie tu..Kita pon ada sikit-sikit tu kita tau dak kalau kita takdak sikit-sikit kita taktau saya pon Langgaq ni [*Langgar,Kedah*] saya Pengerusi (senyum) PEKIDA [*Persatuan Kebajikan Islam dan Dakwah Islamiah Malaysia*] orang 30 lah orang 30 lah tu tapi saya tak kisah tok ayah tok ayah selalu dok mai rumah saya hat dok baiah [*berjanji*] sorang tu depa rajin mai rumah mat ada sorang janggut kita takmau depa lantik kita berat. (nada serious)

**MDI: Depa besa dok ajak wan join [masuk] tak gang [*kumpulan*] depa?**

IBA: Sapa?

**MDI: Yang tu ah yang mai tok ayah tu?**

IBA: Ha tok ayah memang saya join [*masuk*] (mengangguk) ngan dia lah tapi join orang baik lah orang macam Awie tu kita takmau lah buat garang nak buatpa dok ajak bertumbuk ngan orang kita tak larat betui dak? Ha tok ayah tu memang orang saya lah dia pon mai cari lah apa-apa dia mai lah dok ajak makan kenduri apa lah (senyum) join [*masuk*] ngan depa tu kita pon duk di kampung sampai takmau ikut orang pon payah jugak kadang-kadang kena ikut orang ni pon macam-macam tapi kut hat elok lah tak elok jangan dok ikut lah..betoи dak?

**MEH: Betoи-betoи-**

**MEH:** Okay danial kita boleh start sesi dua.

**MDI:** Skrip penutup.

**MEH:** Dengan ini, tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang Seni Silat Bunga bersama Haji Ismail Bin Abu. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Dengan ini tamatlah sesi temu bual bagi sesi pertama bagi bidang Seni Silat Bunga bersama Yang Berbahagia Haji Ismail Bin Abu kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan kesudian beliau dalam wawancara ini. Sekian Terima Kasih.

## **SESI 2**

, MEH: Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni silat bunga. Bersama kami ialah Ybhg Haji Ismail Bin Haji Abu yang merupakan seorang mahaguru seni silat bunga. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 Mei 2021 bersamaan dengan hari Selasa pada 11:34 petang yang bertempat di Kampung Alor Keladi, Langgar, Kedah. Temubual ini dikendalikan oleh saya sendiri Mohammad Ezzat Hakimie Bin Mohd Arif dan juga rakan saya, Mohd Danial Ikhmal Bin Muhammad Shahdzir. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

**MEH:** Starting [*mulakan*] Danial

**MDI:** Terima kasih atas kata pembukaan daripada sahabat saya, Mohammad Ezzat Hakimie. Jadi wan, sekarang kita berada dalam sesi kedua untuk soalan khusus. Jadi untuk sesi ni, kami akan menggali lagi dalam tentang Silat Bunga ni la, pasal persilatan yang wan ceburi ni la. Okay wan, okay Jat (Ezzat)

**MEH:** Okay saya start [*mulakan*] first [*pertama*] soalan. Apakah maksud BUNGA tu wan? Macam yang wan habaq tadi.

**IBA:** Maksud BUNGA macam saya cakap tadi la kan. Erti dia la maksud BUNGA tu kan macam tadi la, Berjuang Untuk Negara Gagalkan Angkara, itu lah maksud BUNGA tu. Kalau kita tak bagi maksud tu, dia [*Pejabat Pendaftaran*] tak mau daftar. Tujuan pendaftaran tu depa mau. Tapi sekarang ni tak tau la depa bagi nama lagu mana. Kita tau hat kita ja la (gangguan kenderaan) dok kacau hat orang buat apa, orang marah. Macam tu cerita dia.

**MDI:** Kira nama ni macam dia.... wan pikiaq spontan la nama ni?

**IBA:** Macam mana?

**MDI:** Kira nama ni wan macam pikiaq terlintas la dalam fikiran wan waktu wan nak bagi nama kat depa ni [Pejabat Pendaftaran] ?

IBA: Jadi macam ni, bukan wan bagi, Jawatankuasa Persatuan Seni Silat ni la yang buat ni, sebab depa lebih ataih [atas] dari kita masa tu. Depa la yang, cipta nama, lambang depa la buat ni, lambang-lambang bunga apa semua depa buat la. Pakai nama tu kan, tu cerita dia. Wan tak tau apa la, wan ikut belakang la.

**MDI:** Okay untuk soalan yang seterusnya, dari manakah datang maksud BUNGA ni?

IBA: (Berfikir) Haa ya la macam saya cakap tadi tu lah. Apabila, pendaftaran nak daftar depa mau satu nama, jadi bila depa mau satu nama, pakat bincang la dalam persatuan ni kita nak boh [*letak*] apa, boh BUNGA, boh BUNGA hantaq pi. Depa *cancle* balik. Apa erti BUNGA? Bagi satu pulak, hantaq pi pulak. Dua kali, ka baru luluuh (lulus). (Berfikir) Baru bila kita bagi maksud BUNGA tu. Haa, betoi dak? Haa begitulah cerita dia, Jadi saya ni, tak mendalam sangat la sebab kita jadi ahli baru baghu (baru) masa tu. Mula wujud, mula wujud apa, persatuan Perlimau [*istiadat pertabalan silat*] saya (senyum). Betoik? Jadi (mengangkat tangan kanan) tuan guru datang dari Singapore pa mai buat persembahan. Jadi kita dok, (goyang kepala) cara kita la, kita baghu (baru) belajaq. Pastu haa, baghu kita aaa baghu kita koi (makin) meningkat, baru kita koi [makin] laku sikit. Macam tu la tajuk dia. Pada awai tu tak dak apa la, kita jadi, pelajar baru la kita pon masa tu. Nak cerita sangat pon aku tak berapa pandai la.

**MEH:** Okay saya tanya soalan seterusnya. Apakah jenis senjata yang digunakan dalam silat bunga ni...wan?

IBA: (Berfikir) Jenis senjata ni. Banyaklah. Yang pertamanya. Silat-silat ni keris la noh (Senyum). Keris. Golok, golok, orang Kedah panggil Golok Perak. Golok, Golok Perak, rotan (memendekkan dan memanjangkan tangan) rotan pendek dan rotak panjang. Tu lah permainan dalam silat bunga. Jadi, dulu kami buat ada rantai, main rantai tapi kerajaan *stop*. Bahaya, tak main la, dulu ajaq rantai, ajaq main rantai, tibai rantai tu.

**MEH: Kerajaan tak bagi?**

IBA: Tak bagi, tak bagi. Bahaya depa [*Kerajaan Malaysia*] kata. Kemudian, senjata-senjata tajam sangat pon depa [*Kerajaan Malaysia*] la tapi senjata kita tu, besi tula. Tapi kita tak bagi tajam la. Tau dk.

**MEH: Ya**

IBA: Betoi la. Hat tu la senjata dia Golok Perak, keris, apaa.

**MEH: Rotan pendek rotan panjang**

IBA: Rotan...rotan pendek rotan panjang. Yang tu la yang dok, ada sampai la [sekarang] pon. Hat len [*lain*] semua tu, rantai apa tu, kita berenti la semua tu dah kerajaan [*Kerajaan Malaysia*] tak bagi kan, menggaru pipi) Bahaya mampuih karang (nanti) payah. Hehehe (ketawa). Lagu [*macam*] tu.

**MDI: Dalam banyak-banyak senjata ni, wan paling mahir senjata apa?**

IBA: Wan yang main, Wan Perlimalu [*istiadat pertabalan silat*] wan main senjata keris. Lepas keris, wan main parang panjang.

**MEH: Ohh parang panjang**

IBA: Mula-mula main keris, lepas tu kawan...kawan wan tu dia lupa, dia kata "Aku takmau main dah Il (Ismail)", "awat??", "Aku lupa". Memang dia lupa cepat, luruih sikit, saya nak rodok [*tusuk*] perut dia nasib kita boleh *break*. Tau dak dia tak elak (terkejut), berenti kita. Pastu balik-balik aku tak mau main dah (ketawa). Tukaq pasang lain, jumpa pasang lain, saya main parang panjang tu (menunjuk kearah kiri), parang panjang, taksat (tadi) tak sebut parang panjang, wan tak cerita kan (menunjuk kehadapan), parang panjang. Kemudian main dengan dia (pasangan silat), depa muda, depa dapat, kerja jadi Komander, sorang pi. Kita dok sorang pulak cari pasang lain. *Last* sekali kita cari pasang tu, (menunjuk arah kiri) hat main lawak tu. Boleh la main, tak lawak pon boleh. Tapi kita main lawak dah la Ey [*Ismail*]. Tak teruk sangat, tak apa lah. Ni ada gambaq dia (menunjuk kearah gambar) hat pakai kain tu. Muka pon lawak tu hihih (ketawa). Hat tu lah, saya main keris. Emm tamat belajaq main keris.

**MEH:** Keris tu dia ad ukiran special ka apa wan? Yang istimewa ka?

IBA: Dia cam ni lah. Hat saya masa belajaq saya beli sendiri. Punya minat nak main keris, saya beli sendiri tapi tak panjang la. Lepas tu, baru tok guru pi buat masa tu satu set, panjang sikit la tu. Dua, buat di tu, tang tu (menunjuk kearah kiri) tang [dekat] Jalan Mergong dulu ni. La tak dak dah tang tu. Besa la buat (gangguan bunyi kenderaan) keris bodo la, nak buat main ja. Hat saya tu, kiqa hebat la hat saya main tu, Arang pon besa terbakaq, keris saya tak terbakaq. Hat saya main tu

**MEH:** Keris tu sekarang ada lagi la noh (kot) wan noh?

IBA: Ada, tapi takdak kat saya (menunjuk sebelah kiri), ada kat tok guru. Saya tingai kat dia dulu. Tak dak kat saya. Nak kena pi cari ambik balik pa (senyum). Saya dulu, lagu tu la tajuk dia, dulu.

**MEH:** Next Danial.

**MDI:** Untuk soalan seterusnya wan waktu saya tengok dalam persembahan, dalam video tu, dalam Majalah 3 tu, waktu wan buat persembahan tu ada alat muzik, jadi apakah alat muzik yang digunakan dalam seni silat bunga ni?

IBA: Jadi--- macam ni, masa dulu la, masa saya dulu, kita guna muzik orang, hat silat bunga ni tak dak, la (sekarang) ni ada la kot, la ada la gelanggang yang ada. Masa saya dok main dulu, kira orang lain mai, main la. Orang Tanjung Musang nuh (menunjuk ke arah kanan). Kenduri apa pon bawak dia [pemain alat muzik silat] la kalau nak pi pon, bawak dia la. Mati habih dah pak tu. Hat tu gelanggang. Dia ada gendang dua, serunai, gong. Empat tu ja tu. Kalau ada majlis apa kita sewa la, kita pi jemput depa kita bagi la, dulu empat lima puluh ringgit (RM) ja (tersenyum), la empat lima ratus. Tu la beza dia

**MDI:** Kira dalam jenis-jenis alat muzik tu, wan pandai main alat muzik apa?

IBA: Mintak maaf (geleng kepala), alat muzik wan satu apa pon tak boleh (senyum ketawa), dengaq boleh, dengaq wan tau lagu apa lagu apa, main tak boleh, tak dak minat, tak main, saya tak leh main.

**MEH: Kira budak-budak main la noh?**

IBA: Kalau nak main gong, takleh. Kalau nak main gong boleh la, (gangguan suara) ketuk satu dua habih cerita dia. Tak minat. Bukan tak minat, tak tau.

**MEH: Ni wan. Nak tanya. Dalam silat bunga ni, warna baju tu berapa banyak warna dia? Dalam *uniform*, dalam pakaian dia punya pakaian dia?**

IBA: Uniform dia kalau ikut rasmi dia yang ni la (menunjuk gambar ke arah kamera), nampak dak? Ni *uniform* rasmi dia la, kalau nak buat bunga (langkah silat) apa pon kita guna yang tu la.

**MEH: Dia (*uniform*) kuning ka tu wan?**

IBA: (Suara tidak jelas) Kuning, kuning, kuning (memegang gambar)

**MEH: Haa.. Kuning ngan hitam la nah**

IBA: (Suara tidak jelas) Ikat pala (kepala) pon kuning.

**MEH: Haaa... Ikat pala (kepala) tu dia ada nama apa semua dak wan?**

IBA: Ikat pala kalau ikut tu ada jugak la nama, Helang Samarani (pangkat dalam silat) la pa nama kan. Itu lah, Ada la tajuk dia. Tapi kita tak berapa kisah sangat, silat bunga ni tak berapa kisah sangat jenis tu, tok guru [Ismail Bin Haji Zakaria] tak berapa kisah, nama-nama dia [Ismail Bin Haji Zakaria] tak mau. Tu baju uniform tu (menunjuk ke sebelah kiri) hat baru depa buat belakang tu. Persatuan [Persatuan Seni Silat Bunga] buat tu, mai (datang) bagi kat saya.

**MDI: Kira baru lagi ya wan?**

IBA: Hat tu baru, tak pakai lagi la tu (suara tidak jelas), Apa (berfikir) dia [baju], baju jawatankuasa depa [*persatuan seni silat bunga*] depa buat lain, uniform jawatankuasa, untuk jawatankuasa, lain, ada. Dia [baju jawatankuasa] kuning. Hmm, Apa lagi??

**MDI:** Saya tengok warna tu warna kuning, jadi warna kuning tu maksud dia apa wan?  
**Yang warna kuning tu.**

IBA: (Ketawa) Yang ni pun bahaya nak jawap ni (ketawa). Kuning pon, kalau ikut, kalau ikut kuning, kuning di-Raja la kan. Kedah ni kuning ni hebat lah. Kuning Kedah ni kira kuning di-Raja ni. Tapi.. dalam ni tak tau lah maksud. Saya pun tak dapat, apa makna maksud kuning ni. Lagu (macam) tu la, sebab... dia banyak sangat. Lagi satu, di gelanggang ni, dia tengok dia buat cara lain, ni, baju ni, padahal dia tak boleh buat, dia kena pakai. Ni ni orang ni pon boleh pakai berapa tiga *line* dua *line* ni kan. Tapi la ni, caca merba sikit la tengok, dah kita tak berapa peduli dah pon. Dah tok guru pon [Ismail Bin Haji Zakaria] dah tak dak. Betoik dak?? Saya bila mai, depa nak buka gelanggang, hangpa nak buka, buka. Hangpa jangan tinggal nama ja. Silat bunga hangpa belajaq silat bunga. Pelajaran, okay. Takat mana hangpa boleh ajaq, ajaq (mengankat tangan). Tapi nama silat, hangpa jangan tingai (menunjuk jari kedepan). Bagi ada sampai mati kata, habaq depa lagu tu la. Aku pon tak mau dah kata. Lagu tu la tu. Depa [pelajar silat] mai jumpa saya, saya pesan lagu tu la. Nak buka kat mana pon [langkah silat bunga], bunga lah! Jangan, jangan dok boh (guna) silat lain. Bunga taik ayam apa, takmau (nada marah). Macam tu, pesan kat depa [pelajar] lagu tu ja. La ni banyak. jurulatih la banyak! Betoik dak, orang muda la bukan tak tau. Boleh sikit (membuka gaya silat), kita tak mau macam tu.

**MEH:** Kena kekalkan tradisi.

IBA: (Mengangguk) Kita nak sembunyi kebolehan kita tu pada orang. Depa [pelajar lain] nak tunjuk, orang la (sekarang) tunjuk. Kita tak mau.

**MEH:** Okay *next question* Danial

**MDI:** Macam tadi yang ni kan warna kuning, kalau yang untuk pelajar-pelajar warna hitam, kira yang tu pelajar biasa ya?

IBA: Ya, pelajar biasa. Dia pelajar biasa ni, kita-- hitam pon tak dak apa. Kuning-kuning kita tak boh lagi, *line-line* tak dak lagi. Hitam saja. Dia-- tamat enam bulan, baru masuk lambang (lambang burung helang samarani) ni, lambang burung ni. Burung ni dinamakan Burung Helang Samarani dalam silat bunga lah. Helang Samarani.

**MDI: Seterusnya, apakah perbezaan silat bunga ni dengan silat lain?**

IBA: (Senyum) Perbezaan ni, kita tak mau nak kata apa lah. Kadang-kadang-- nak beza banyak mana sangat. Kaki dua, tangan dua. Hang nak tumbuk lagu mana sangat. Nak beza apa. Tu saja. Kalau kita nak buat perbezaan, depa lekeh (persenda) kita lebih pon kita tak mau. Betoи dak?? Ni kata “Hangpa tak pakai hat aku main”- mengajuk Tak dak, tak dak, tak dak--- Lebih kurang ja--, sama ja. Perbezaan dia. Silat. Tangan dua kaki dua. Semua dok sini (menunjuk di dada). Di hati ja. Kalau hati betoi, belajaq la silat apa pon--- Hang kata silat pulut pon, hang belajaq baguih. Kita tak mau. Depa kata silat pulut la, apa la. Macam silat bunga, dia (buah silat) ada, macam silat pulut pon dia (buah silat) ada. Main tari-main tari, silat pulut la tu. Tu dia, (mengangkat tangan kiri) betoi dak, tu. Bukan tak dak, ada. Betoи dak? Jadi kita tak mau la buat perbezaan dengan silat lain, kita tak mau buat la.

, **MEH: Okay next wan. Apa jenis gerakan yang terdapat dalam silat bunga ni? Macam gerakan apa semua.**

IBA: Gerakan ya. Dia, gerakan ni daripada mula asasnya kita belajaq, masuk-masuk belajaq tu tok guru ajaq tari dulu la. Tari. Lepas tu boleh sikit, baru kita ajaq buah (ilmu pergerakan), Ajaq penumbuk, dia punya dinamakan jurus la. Jurus. Jurus tumbuk tu (sambil gaya menumbuk). Macam P. Ramlee [*Tan Sri Datuk Amar Teuku Zakaria Bin Teuku Nyak Puteh*] dok buat dalam gambaq tu [*filem Pendekar Bujang Lapok*] (ketawa). Gambaq Bujang Lapok tu. Yang tu lah (sambil ketawa). Lagu tu la cara dia, lebih kurang macam tu la. Cuma, dulu masa saya belajaq dulu lain sikit. Buat satu-satu. Sugu [buah langkah silat] satu sugu dua. La ni, direngkekan [gabung] sambung. Dia jadi jurus. Padahal guna jugak la Cuma kita sambung siap-siap. Bagi senang, bagi apa, juru-juru latih tu dok mengajaq

**MEH: Kira pergerakan tu depa kait, kait tu la?**

(Ralat- Seseorang datang rumah tokoh mengambil barang)

IBA: (Gangguan suara kenderaan) Itu yang dinamakan jurus. Dalam silat bunga ni nama dia jurus, jurus. Lebih kurang pelajaran tu mau dalam sebulan lebih la. Pi dok

belajaq hat tu lah. Tumbuk kiri, tumbuk kanan, sepak kiri, sepak kanan. Dinamakan jurus la hat tu. Jurus. Lepas tu dah boleh bergerak, baru lah ajaq tari, buah pukulan, Yang tu la. Buah pukulan boleh la kita tunjuk satu, satu kan.

**MDI: Seterusnya dalam bahagian latihan, berapa lamakah tempoh untuk menguasai sepenuhnya seni silat bunga ini?**

IBA: Dia sekurang kurangnya, enam bulan lah. (Gangguan bunyi motosikal). Enam bulan, enam bulan lah. Dia belajaq enam bulan, enam bulan bererti kata, enam kali limau la. Macam saya kata, limau. Tiga biji sebulan satu. Bererti kata 18 biji, baru lah habih satu kata, apa orang panggil?? Sesi pertama lah, Kata pandai, dak lagi. Enam bulan tak pandai lagi. Kita belajaq berapa tahun pon dok bodoh sampai ke la (sekarang) ni. Tak boleh, ada, dia penuh (susah), dia kadang-kadang takleh pikiaq. Lagutu.

**MDI: Seterusnya**

**MEH: Dalam latihan ni wan kan, seminggu tu berapa kali silat bunga ni buat-- diadakan?**

IBA: Kalau zaman saya belajaq, tiap-tiap malam.

**MEH: Tiap-tiap malam ada?**

IBA: Tolak malam Jumaat ja. Seminggu enam kali, kena pi. Tak dak selang, kata malam selang apa, tak dak. Tiap-tiap malam kena pi. Tak pi, orang boleh (kuasai), kita tak boleh. Pelajaran berubah tiap-tiap malam. Pelajaran banyak, jadi, tiap-tiap malam la. Malam ni kita pi, malam esok kita tak pi tengok-tengok depa dok buat hat lain dah, mula lah.

**MEH: Jenuh kalut.**

IBA: Jenuh kalut. Jadi kita orang yang rajin boleh la tiap-tiap malam pi, kita kadang main ada apa-apa hal, selang jugak la.

**MEH: Betoи-betoи.**

IBA: Ni. Mana ad manusia yang sampai, taqa (macam) tu. Sedangkan hat lima hat wajib tu pon depa boleh tinggai lupa pon ada. Dia kalau tak boh tu habih la. Limau tu pon tak mau, dikira guguq, dikira guguq. Sekali (mengangguk sambil senyum). Syarat la.

**MDI: Untuk soalan seterusnya, untuk menyertai latihan seni silat bunga ni, adakah bayaran akan dikenakan wan?**

IBA: Ada la jugak sikit-sikit. Selepas pengeras-pengeras (bayaran) muqah masa saya belajaq dulu. Pengeras dia baru 3 ringgit "RM" suku. Kira tiga ringgit dua kupang lima duit [RM3.35]. Masuk limau tu. Lepas yuran, kita ambik sebulan dalam--- masa tu la, masa saya belajaq tu dalam tiga ringgit kot. Tiga ringgit. Tiga ringgit masa tu besaq. Betoи dak (tersenyum).

**MEH: La (sekarang) berapa tu wan?**

IBA: Lagi pon masa tu besaq 3 ringgit. Pastu dia koi [*makin*] naik. La [*sekarang*] tak tau depa ambik berapa duit kita tak tau la. Depa masing-masing, gelanggang la. Depa ambik la. Tu pon tak mahai. Tak perasan, tak bunyi puluh-puluh tak dak la.

**MEH: Kalau wan ambik berapa?**

IBA: Haa?

**MEH: Kalau wan , sekarang ambik berapa?**

IBA: Dak wan dulu la, ikut syarat gutu ja. Kalau tiga ringgit, tiga ringgit dua kupang lima duit, hat tu tak ubah.Kecuali kalau depa nak bagi lain, si pelajaq tu kalau nak bagi ikut dia, kot dia rasa nak derma tu kita ambik.

**MEH: Sampai ke la [*sekarang*]?**

IBA: Syarat dia, sampai ke la [*sekarang*] tak ubah. Cuma yang depa ubah, yuran belajaq. Yuran belajaq tu boleh la ubah kan. Kalau dulu ambik 3 ringgit, la ambik 20 ka 30 kita tak tau la. Masing-masing sempat la. Tu pon tak sampai puluh-puluh. Kalau 15 ringgit "RM" pon dah jatuh, lima kupang [50 sen] semalam noh. Sebulan apa lagu tu ja. Tak mahai, silat bunga tak mahai.

**MEH:** Okay saya nak tanya soalan seterusnya wan, adakah terdapat pantang larang semasa dalam latihan silat?

IBA: Cam mana?

**MEH:** Ada pantang larang tak dalam latihan, latihan, belajaq?

IBA: Dia ni pantang laqhang ni, sebab kita ada la jugak. Kita ad bawak, baca ayat-ayat Quran sikit dalam tu. Jadi kita kena ad gak la pantang laqhang dia tu. Hat yang tak boleh tu, tak boleh la. Gutu la pantang laqhang dia. Tiap-tiap malam, kita ada latihan bacabaca (Quran) tu. Jadi kalau kita buat lebih kurang, betoi dak? Gutu la syarat-syarat dia. Nak masuk belajaq tu kita kena baca-baca dulu. Fatihah (Surah Al-Fatihah) ja, baca Fatihah ja. Hadiah Rasullullah (Nabi Muhammad SAW), guru tua. Betoik? Guru tua kita, penolong guru tua kita. Ha tu kita bagi tiga kali. Lepas tu dia koi lama mati hat nu, mati hat ni. Sembilan kali semua. Masa saya tiga kali pon baca lagu tu ja. Allah budak-budak sekarang nak baca taqa mana sangat, Fatihah [*Surah Al-Fatihah*] pon depa kata panjang. Betoik? Masa tu, jadi, kalau tiap-tiap malam, enam bulan banyak puluh, banyak ratuih kali tu baca Fatihah [*Surah Al-Fatihah*] tu.

**MEH:** Betoik.

IBA: Tapi kita tak ambik tau. Betoik? Benda tu benda, dok di kita tu, Fatihah tu. Kita pon berapa kali baca, sehari-sehari. 17 rakaat, 17 tu, 17 kali. Sebab dalam Fatihah tu--- kita boleh mintak, tapi kita kadang-kadang, macam tak percaya pon ada ﴿يَأَكَلِ﴾

﴿نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ﴾ [Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan] kepada Engkaulah aku sembah, kepada Emgkaulah aku mintak pertolongan. Bila kita baca, kita mintak la bagi pandai ka, bagi cepat pandai pastu boh di kita la nak mintak apa pon. Jangan mintak nombor ekoq dah la. Betoik?

**MEH:** Okay next [seterusnya] question [soalan] Danial.

**MDI: Okay untuk soalan seterusnya. Umuq paling muda untuk masuk latihan ni umuq berapa wan?**

IBA: Dia macam ni la, kalau, kurang-kurangnya masa zaman wan dulu tu umuq 12 lah. 12 tahun kita teqima la. Tapi, apabila PERLIMAU [*istiadat pertabalan silat*] kita tak bagi syarat habih, Umuq tu. Dia tak macam oqhang tua kan. Haa tu la. Syarat dia setakat-takat patut. Takut dia gelong. Boleh la kalau kita nak terima budak umuq 12. Baguih jugak la kita nak ajaq depa. Tapi susah sama ajaq.

**MEH: Betoи.**

IBA: Susah, bila campuq orang tua, budak-budak payah. Jerkah [*marah*] sikit laqi [*lari*]. Payah. Kurang-kurang gutu la, habih kurang 12 la umuq kita terima la (mengangguk).

**MDI: Okay seterusnya untuk soalan cabaran. Apakah cabaran sepanjang penglibatan wan dalam seni persilatan ini?**

IBA: (Termenung) Cabaran ni macam, kira tak banyak lah Cabaran ni oqhang nak, oqhang nak lawan gitu la kot. Tu oqhang panggil cabaran betoi dak?

**MDI: Ya betoi wan.**

IBA: Cuma, ada tempat-tempat yang kita nak pi buka gelanggang tu, ad jugak lah. Depa dah dok ngajaq siti, kita pi mengajaq hat kita, besa gak depa mai jumpa (pesilat lain). Tapi, tak dak apa la, tak dak lawan apa la. Depa, depa ajaq silat lain, tiba-tiba kita pi buka situ. Ada jugak, hat tu ada lah. Cabaran tu. (Diam seketika) Kemudian, ada satu tempat tu, depa dok mengajaq jugak la. Tiba-tiba dengaq silat bunga bukak, depa cari, sapa bukak? Cari saya sampai Langgaq mai. Masa tu kawan kita (tersenyum). Kita ngaji sekali dengan dia time sekolah-sekolah dulu ni. Macam tu la. Dia silat lain. Dia silat pon hebat jugak la. Silat badek orang panggil, Silat badek. Dok main [*pertunjukan silat*] depan pengantin. Dia dengaq kita buka di kawasan dia. Dia kacau. Pastu ikut hang la. Takpa. Cabaran yang teruk sangat tak dak la. Sampai kata nak (ganguan suara) tak dak la. Alhamdulillah la.

**MEH:** Okay kait dengan cabaran lagi wan noh. Apa cabaran yang waktu wan mengajaq silat ni? Sewaktu mengajaq silat.

**IBA:** Cabaran?

**MDI:** Cabaran waktu wan mengajaq silat ni.

**IBA:** *Time* mengajaq ni, ada jugak la cabaran tu. Sebab oqhang yang masuk belajaq dia ada belajaq silat lain. (Ketawa) Bila dia belajaq silat lain, dia nak tunjuk hat dia la. Tu cabaran tu sikit la dalam tu. Dia kata “Saya mai ni, nak belajaq hat saya ni, nak ajaq hat saya” berkata. Saya tak mau ni. Kalau hangpa ada modai tu, hangpa simpan la. Kalau ada sekupang (10 sen) simpan, aku bagi lima duit (5 sen) tambah jadi 15 duit (15 sen) (marah). Saya cakap lagu tu dah. Dia tak jadi buat lagu tu. Haa depa tak ni la. Mula-mula depa nak *test* jugak la, Macam di Langkawi apa tu. Depa dok bayaq, belajaq silat lain kan. Itu lah sikit-sikit cabaran dia. “Aku mai ni nak belajaq silat bunga, kalau boleh hangpa silat buah, ambik kat hangpa lah. Tunggu. Kalau ada modai sekupang, aku bagi lima duit, hangpa ambik” marah. Haa tu la. Saya cakap gutu ja. Okay tak dak apa. Bole belajaq. “Silat apa hang belajaq tu?” menanya. Dia nak tunjuk hat dia. Kalau nak tunjuk, boleh!! Syarat dia--- boleh tunjuk. Bulan kelima naik atas. Hat tu kita boleh *fight* (menunjuk tangan ke kanan). Dengan kita pon boleh *fight*, oqhang lain pon boleh *fight*. Hat tu modai sendiri. Kita bagi pelajaran tu. Itu dinamakan, Rancak. Haa rancak tu boleh main. Hang nak main taekwando ka. Saya pernah jugak satu cabaran hat tu. Saya mengajaq di Megat Dewa (Kubang Pasu, Kedah). Tok guru Mbo (Tok Hussein), Mbo, oqhang dulu panggil Mbo (guru taekwando). Dia pi belajaq. Kacau, *time* nak Perlimau [istiadat pertabalan silat], “Hang main dengan Tok Hussein tu Il (Haji Ismail bin Abu)” – berkata. Dia main dengan kawan silat pulut. Mampuih (terkejut). Pandai tok guru (Ismail bin Haji Zakaria) dia ambik hat silat pulut, kat aku dia bagi hat belajaq Mbo tu. Fuhh sejenkal berangin muka. Masa tu kita umuq 30, kita boleh, boleh.

**MEH:** Cergas ya wan?

**IBA:** (Ayat tidak jelas) Hang kecoh aku kecoh. Haa boleh. Tu cabaran tu. Tok guru belajaq. Dia main dengan saya. Dia tak dak apa.

**MDI: Okay yang ni masih dalam cabaran. Cabaran dalam mengekalkan warisan ni wan. Apa cabaran dia untuk mengekalkan warisan silat ni?**

IBA: Dia, nak mengekalkan warisan ni, kita kena, tak dak apa pon, kena betoi la kita. Warisan ni, kekal dia. Tak dak apa aihh. Dia Cuma, apa orang panggil, apa yang, apa yang, tok guru, ketua kita, kita jangan ni, Yang tu la. Tok guru kata hat ni tak boleh, kita jangan-jangan buat la. Hat tu la tu. Cabaran mengajaq tu. Itu ja la. Tapi, tapi Insyallah (jika diizinkan Allah SWT) la, tak dak la, macam cerita tak sat ada la soqhang dua masa nak lawan tu, tapi kalau pulun sungguh tak mau la dia. Dia pon anggap kita tok guru kot. Itu cara dia. Tak dak la cabaran besaq-besaq tak dak la.

**MDI: Cabaran macam tu ja la?**

IBA: Ya, cabaran tu.

**MEH: Okay kita pi dekat pencapaian. Soalan saya. Apakah pencapaian paling tinggi wan pernah dapat?**

IBA: Pencapaian macam mana ni?

**MEH: Dari segi apa-apa, penganugerahan ka dapat?**

IBA: Ya la lagu tu la. Pencapaian tu macam tadi la. Yang saya cerita tadi lebih kurang la. Orang tak dapat main depan Yang Dipertuan Agong, saya dapat main depan Yang Dipertuan Agong. Betoik tak? Lagu tu la. Macam tu la. Apa, dalam majlis apa, orang tak boleh main kita boleh main hat tu la cabaran dia. Kita hebat sikit la. Tok guru [Ismail Bin Haji Zakaria] pilih kita (senyum). Yang tu la. Saya pernah main [bertarung] dengan tok guru dan tok guru besa bersemuka dengan saya. Pecah gak mulut. Dia kecoh. Tudia, tengok tok guru. Main kecoh tak larat bertempat. Tapi, dia buang saya pon pada la, main tempat kenduri dia boleh kecoh. Jahat gak kita pon. Dia buang tu, dia lambung sampai lepah tempat orang main gendang tu. Dia buat lagumana tak tau [gangguan suara] dia masuk, tunjuk mulut “Mulut, mulut aku pecah ni” –berkata (ketawa). Kiqa buah tu tak boleh main la. Saya buat buah, buah bahaya la. Tapi nak cuba dia, kena. Dia [tok guru] pon kena. (Ketawa) Hat tu masa tu modai kita kena tauk (mengesat hidung). Hat tu, Saya main dengan tok guru. Tok guru kita kena.

**MDI: Okay seterusnya. Apakah pencapaian yang paling wan tak dapat lupakan, yang paling wan ingat sekali, yang pencapaian wan?**

IBA: Pencapaian tu, wan tak dapat lupa, yang tak dapat lupa oqhang jemput main depan Yang Dipertuan Agong [*Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah*] tu la yang paling besaq pon. Bukan senang nak pi pon Yang Dipertuan Agong [*Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah*]. Sampai la pon saya dok kata “Aku berhenti pon tak pa dah, aq main depan Agong [*Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah*] dah. Hangpa?” mengajuk. Hebat la tu. Boleh main depan Yang Dipertuan Agong [*Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah*] , hebat la. Hat tu la (tersenyum) bagi diri kita la. Oqhang lain tak tau la. Hat tu la. Betoik?

**MDI: Waktu wan main kat depan Agong [*Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah*] tu, apa wan rasa waktu tu, waktu wan main, buat persembahan depan Agong tu? Sebab oqhang lain tak dapat kan.**

IBA: Kadang-kadang kita, kadang – kadang. Kita besa dok main (persembahan), kita rasa seronok la majlis tu. Betoik? Kita sepasang dah orang jemput main depan Yang Dipertuan Agong [*Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah*] . Cuma ada silat lain soqang. Depa panggil, dia buat tari. Mati dah kawan tu. “Hang buat tari”-berkata sebab tari dia cantik. Haa tari hat tu. Kita habaq dia, jemput dia soqhang. Pastu kami dua. Dengan ni la. Dengan kawan saya tu. Hat tu la. Lain tak dak apa dah. Kata nak gerun apa, tak taqa mana la. Cuma, tekejut jugak. Masa buat persembahan tu, lepas-lepas kami main tu, Agong turun. Dia [*Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah*] turun mai. Saya kata kat kawan saya. “Kita terjun sungai ni la kita” –terkejut. Rupanya bukan mai kat kami, dia [*Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah*] tuqun pi marah pak-pak main muzik tu main

tak betoi (tersenyum). Yang kata guru tu “Hangpa main tak betoi muzik tu”-marah. Tu dia, mujuq pon kita. Ni kalau tidak kita terjun Sungai Ampang Jajar ni. Hat tu la.

**MEH: Okay masuk harapan la noh.**

**MDI: Haa harapan harapan.**

**MEH: Okay masuk bahagian harapan wan ya, apakah harapan wan ke atas silat bunga ni?**

IBA: Harapan ni, takat la kita, kita dapat dah harapan tu, yang ada pada kita tu. Kita seqonok la harapan tu. Dan harapan hat nak mai ni kita mintak--- Jangan, jangan mati la silat bunga ni. Bagi ada sampai ke, generasi-generasi yang akan datang. Hat tu harapan kita (gangguan bunyi kenderaan). Kita takkan nak hidup kat dunia. Betoik dak? Jadi hat, apa, jurulatih-jurulatih la hangpa kena jaga bagi elok. Hat tu la. Harapan tu la.

**MDI: Okay seterusnya wan, apakah harapan wan kepada persatuan seni silat yang ada sekarang ni, yang ada kat Langgar ni? Yang ni untuk persatuan pulak.**

IBA: Jadi, apabila, saya pon belajaq boleh di Langgaq, maka saya mintak gelanggang yang Langgaq ni bagi ada la sampai la (sekarang). Sebab, tapak gelanggang tu pon beli, zaman saya gak la. 11 ribu “RM11,000”. Tu tapak gelanggang tu. Tok guru [*Ismail Bin Haji Zakaria*] suruh saya ambik, dia kata “hang nak caqi nak buat rumah boleh”-berkata. “Boleh, saya buat rumah pastu gelanggang dok tang mana?”-menjawap (ketawa). Sungguh gak dia kata. Masa tu kira saya nak buat rumah la, rumah ni tak dak lagi. Saya dok sana nuh, haa lagu tu la, mintak lagu tu la. Pakat-pakat jaga la. Ada la.

**MEH: Gelanggang tu besaq mana wan?**

IBA: Haa?

**MEH: Besaq mana gelanggang tu?**

IBA: Besaq jugak, (berfikir) 20, 30 lebih perasan, bukak dia. Kita pon tak ambik hat haluih tapi besaq la. Boleh la. Kalau dua tiga oqhang belajaq boleh, boleh sebaris belajaq. Nak cari jurus tu. Ramai-ramai tu boleh la. La semua dah dengan dinding papan apa semua. Dinding pon depa boh simen sekerat dah. Zaman saya belajaq tu, daun nyok ja [daun kelapa]. Dinding daun nyok [daun kelapa] ja dulu belajaq. Main rancak depa, depa hentam deras lepah keluaq nu. Hat tu rancak la tu, Yang kata rancak tu, aci tumbuk gak tu. Haa hangpa pandai hangpa jaga la. Haa tu ja. Yang kata dalam silat bunga tu hat dia rancak tu. Tu la.

**MDI: Okay seterusnya Jat.**

**MEH: Apakah harapan wan pada masyarakat terhadap silat bunga ni?**

IBA: Harapan tu, mintak bagi generasi generasi yang ada, bukan lah, terutamanya kawasan Langgaq la, tapi alhamdulillah [*segala puji bagi Allah*] la mintak orang tua-tua semua pon depa tak kacau lah. Depa pon pakat jaga la silat bunga ni okay. Harapan kita bagi macam tu la. Jangan sapa pi dok kacau gutu ja. Tempat lain pon, macam tu lah jugak, tapi tempat lain depa dok ubah-ubah. Gelanggang, tak sekarang ni kita tak tau la bab tu. Hat Langgaq ni kita tak ubah dah.

**MEH: Kekalkan noh.**

IBA: Haa kekal. Sebab, apa orang panggil (berfikir). Gelanggang asal, haa asal. Gelanggang asal. Kita nak kekal, kena kekal la. Ada la takat la ni juru-jurulatih yang lama-lama yang minat, masih ada lagi depa dok buat. Mai kalau depa teqima depa mai, depa mai. Depa mai kat saya mai habaq. Takpa buat, Kalau aku kuat aku pi la tengok. Kata kat depa lagu tu la. (*Mengesat hidung*). Tapi ada soqang dua, dia kalau “Il tak mau campuq, kami tak mau dah”- berkata. “La, pasaipa” - bertanya. “Hang bergantung kat aq bukan aku laqat dah”-menjawap. Dok ada soqang dua kata macam tu. “Il tak mau pi kami tak mau pi dah”-berkata. Tudia, tak boleh la, tak boleh. Jangan bagi, jangan bagi putuih (senyum). Lagu tu la.

**MDI: Okay ni masih dalam harapan wan. Apakah harapan wan pada generasi muda dan pada generasi-generasi akan datang?**

IBA: Haa generasi-generasi muda ni kita mintak macam tu la. Kalau--- yang tak belajaq lagi tu, masuk la belajaq. Belajaq bukan rugi dan lagi pulak tak mahai. Tapi kita boleh apa yang kita boleh. Tu--- tak padan dengan apa yang kita habih duit tu. Haa tu ja. Kena belajaq la. Generasi muda la (sekarang). Tapi kadang-kadang--- ya la kalau depa mai tanya wan tu, okay lah. Tapi kawasan Langgaq ni banyak boleh kata, keseluruhan la. Daripada tok wan, sampai anak, sampai cucu semua belajaq. Macam saya la. Saya belajaq, anak saya [Fuad Bin Haji Ismail] belajaq, cucu [Ahmad Farhan Bin Ahmad Fuad] saya belajaq. Haa dah tiga generasi dah. Jadi oqhang tau la--- orang dah terkenal dah silat bunga ni. Gutu la. Mintak macam tu la. Bagi selama-lamanya la. Kekal. Betoik? Tak tidoq.

**MDI: Seterusnya Jat.**

**MEH: Okay soalan seterusnya wan. Siapakah yang akan menyambung warisan seni silat bunga ni pada masa akan datang?**

IBA: Macam mana?

**MDI: Siapakah yang akan menyambung warisan seni silat bunga ni pada masa akan datang?**

IBA: Yang tu, takat la ni. Kita dah ada, sambungan tu mungkin muda lagi la. Baru 50 an. Selepas pada ni, dia dok mengajaq la kita tak tau la generasi yang sambung tu. Tapi ada, ada, orang yang bila masing-masing tengok ada yang dok mai dok belajaq tambah semua tu mungkin depa minat la. Tapi dia, depa tak, tak rapat la kata depa minat jadi tok guru. Tapi kita tengok caqa depa, depa minat la. Depa dok belajaq mai. Lagu tu la. Kalau hat belajaq enam bulan tu tak leh buat apa. Hat yang ikut turut tu sampai bertahun-tahun tu. Hat orang tu la hat boleh ganti pon. Silat bunga ni payah sikit. Dia, dia ada la payah sikit la syarat-syarat dia. Haa tu ja. Kita mintak macam tu la.

**MDI: Jadi adakah wan harap silat bunga ni akan berkembang luar daripada Kedah?**

IBA: (berfikir) Insyallah lah, takat la pon kita dah berkembang dah luar daripada Kedah. La Kedah, Perlis, Langkawi. Kedah jugak tu. Kolombo [Kuala Lumpur] dah ada dua tiga tempat dah. Gombak ada, apa, apa nama (berfikir) ni belah ni, belah baqu nak sampai ni apa nama, Sungai Buloh. Lagi satu (berfikir)

**MDI: Penang?**

IBA: Bukan-bukan, di Kolombo [Kuala Lumpur] gak. Apa, hat kita nak balik mai kot (menggaru kepala) Rawang apa tu. Haa Rawang. Rawang. Pon ada. Rawang ada, Sentul pon ada. Ni mungkin kita nak wujud satu di, apa, Bangi. Tapi la-la ni Covid [Covid-19] ni--- ada lah hat nak mengajaq di, di Bangi tu dah ada. Hat tu depa balaih [ambil] baju saya ni. “Haa ambik kat hang la”-berkata. Tapi baguih caqa dia tu. Orang masjid nak mengajaq tu. Tambah-tambah dia tok Imam masjid tu [*masjid di Bangi*]. Haa boleh tu. Kalau jadi, hang panggil aku pon takpa. “Aku tak laqat aq pi, aku tongkat pi”-berkata. Bukan nak buat apa, pi tengok ja. Alhamdulillah [*Segala puji bagi Allah SWT*]. Yang tu la. Harapan kita tu macam tu la. Kalau boleh, jangan la, mati tak berkubuq. Tapi, Insyallah la kot. Dah banyak, banyak puluh tahun dah ni. Generasi- generasi tu, kita pon dah 80 umur. La oqhang dok belajaq lagi. Tapi la ni depa tak bagi, bagi belajaq ni pasai ni la, pasai pasai Covid ni ja. Tidak ada Langgaq tu. Tak pernah putuih. Hari tu ada depa nak perbaik gelanggang tu, tak pa buat bagi elok. Depa nak buat apa, depa mai tanya saya lah. Pakat tanya habaq lagu tu boleh la (ketawa). Nak, nak. Nak tenaga tak berapa laqat dah. Dak la tak berapa dah. Tak laqat. Kaki apa nak rebah dah mana boleh mengajaq dah. Nyamuk ketik (gigit) pon rebah dah (ketawa). Tapi semangat ada, Insyallah kuat. Orang puan [*isteri*] saya cukup marah tu (senyum). Dengan silat. Kita baqu berkawin tnggai dia pi mengajaq pukul dua baqu balik, besa balik tidoq dalam keta. Segan nak gerak depa. Besa tidoq dalam keta. Dua tiga haqi tak balik dok lena dalam keta. Sampai taqa tu. Tapi saya tau la, caqa tu kan. Kita tak pi, tok guru [*Ismail Bin Haji Zakaria*] mai turun. Tok guru kata “Haa petang ni pi sana, petang ni pi sini”-berkata. Kurang-kurang hujan dok rerere (bunyi motor) tau tau dia siap. Nak pi jugak dia tengok batal, kalau batal balik la kita pon. Masa tu kita seronok la kita nak balik la. Tapi dia nak pi. Haa tu semangat. Tok guru tu puaih. Diri dia semangat. Baguih. Kira

dia, dia mesti pi. Hang hujan ka hang ribut ka dia mesti sampai, malam dia sampai. Dia, dia kiqa kata dia tak tuang [*tak hadir*] la. Tu, dia punya ni dia.

**MEH:** Semangat dia tu.

IBA: Haa semangat.

**MDI:** Kiqa kalau Covid ni tak terjadi wan, kira orang memang berhimpun ya wan?

IBA: Memang, memang la. Gelanggang nu, gelanggang. Banyak gelanggang nak bukak tu. Tapi dah Covid ni. Macam Langkawi ni berapa tempat--- yang masih dok hidup la. Nyok Cabang, apa, Ayaq Hangat, Monyong. Depa dok buka lagi. Tapi dah jadi macam ni tak buka sampai la la. Macam la kot ni pon, Kot ni macam Tok Keling tu. Tok Keling bukak haqitu satu group, mana dan Perlisau [*Istiadat pertabalan silat*]. Sebab Covid tu. Tinggai la baqu ni pi tengok gelanggang. Selerak habih. Kita pi tengok, mak dia mati. Tudia gelanggang selerak. Tok Keling ni gelanggang (berfikir) Langgaq ni gelanggang yang pertama, Tok Keling ni gelanggang yang kedua la. Tahun 70 [1970]. 70 gutu la. Haa ramai. 4 50 oqhang masuk belajaq. Belajaq bukan sikit Tok Keling ni, depa mai sampai ke Tokai tu. Alhamdulillah la. (Mengesat hidung). La setiausaha yang ganti pon duduk Tok Keling. Hat ni dia ni (menunjuk ke kanan).

**MDI:** Okay, masa dah beqapa Jat?

**MEH:** La tinggi lagi 19 minit.

IBA: Haa tak lama dah, tanya la nak tanya apa yang patut. Lebih masa pon tak pa. Nak makan kita posa (puasa) (tersenyum). Takpa.

**MDI:** Kiqa saya nak tanya nak tanya pasal sumbangan wan pada yang penduduk-penduduk kawasan sini la, dengan bidang silat ni la.

IBA: Ishh, sumbangan ni lagu tu la. Kadang-kadang, apabila kawasan ni, nak mintak persembahan apa kadang, kadang kita tak ambik pengeras apa la. Haa tu sumbangan kita. Macam nak bagi duit, kita tak dak. Betoil dak? Gutu la. Kalau ada depan nak, silat, boleh. Kita urus *free*, percuma (mengangkat tangan ke kanan). Kadang masa tak dak gendang. Bayaq gendang dah la, kami main bagi *free* ja. Tu ja. Boleh la. Sumbangan lebih kurang silat, nak bagi sumbangan apa sangat. Tapi takat la ni, ada duit la,

gelanggang ada duit la. Takat 5 60 ribu [RM60,000] ada la. Lagu tu la. Tapi tak tau la, la depa pon kita tak tau la. Kita buat pandai pon, depa maqah kita pulak. Betoil dak?

**MDI: Kita pon tak tau wan kan.**

IBA: Kalau kita nak pi kutip derma soqang-soqang laki. Hang guna duit hang ja, jenuh gak kita (ketawa).

**MDI: Jat ada soalan tambahan Jat? Buat masa sekarang?**

**MEH: Takdak.**

IBA: Takkan habih dak kot? (ketawa)

**MEH: Ada apa-apa lagi hang nak tambah apa?**

**MDI: Rasa, tak dak apa dah rasa.**

IBA: Tak dak, tak apa dah kot (ketawa). Dari segi permainan kita dah cerita dah kan. Main apa, kayu, rotan apa semua. Hat tu lah. Kita nak tunjuk, la tak dak pasang, kalau ad pasang, saya boleh tunjuk sedikit dua (tersenyum), tapi ni pasang tak dak. Boleh ceqhita lagu tu ja la. Lagu tu la ceqhita dia. Bukan ada apa sangat. Nama pon silat bunga, bukan silat buah. Kalau silat buah mungkin dia hebat sikit kot (ketawa). Lagu tu la. Haa ada apa?

**MDI: Yang waktu wan bawak yang lawan kat Dataran Merdeka tu, *time* tu berapa orang wan bawak?**

IBA: Tak dak tak dak, saya dengan pasang saya ja dijemput dengan silat-silat lain. Gayong, (ayat tidak jelas). Silat bunga kami sepasang ja. (Gangguan Rangkaian Internet) Haa apa lagi?

**MDI: Ada berapa masa lagi Jat?**

**MEH: 15 minit lagi.**

IBA: Uishh banyak lagi. Tak sat kata nak habih.

**MDI: Ada 15 minit lagi wan.**

IBA: Nak tanya apa lagi? Tak dak apa nak tanya dah? Nak tanya kahwin tanya la sekali (ketawa). Saya kahwin muda. Saya umur 23. Pompuan (isteri) saya umur 15. Dulu tak mengaji orang tua-tua kiqa bagi menikah la (senyum). Semacam la saya. Tak dak duit

seringgit (RM1) pon naik moto pi Loqstaq [*Alor Star*]. Moto kapchai tu, saya pakai moto tu, boh minyak seringgit (RM1) lepah pi Loqstaq [*Alor Star*]. Lari daripada orang tua caqi bini. Haa lagu tu la. Tu yang menikah muda tu. Menikah pon adik-beradik. Kahwin adik-beradik.

**MDI: Kiqa time tu, jumpa—jumpa kat mana wan? (tersenyum)**

IBA: Tak tak, tak dak jumpa pon. Memang adik beradik. Memang kenai dia daripada dia kecil. Tok, tok nek saya mai dok tidoq kat rumah ni. Dia kata hang nak menikah sangat kan. “Apa orang tua saya ni”-berkata. “Awat”- bertanya. “Tidak aku nak ambik anak Hashim bagi kat hang”-menjawab. Lagu tu ja. Tak kiqa buruk. Jodoh. Haa tu la. Oqhang dia belah ni (menunjuk ke kanan), oqhang Dato Kumbaq [*Jalan Dato Kumbar*]. (Ayat tidak jelas). Dia anak yang ketiga. Dia lapan beradik nuh. Saya tiga ja. Dia lapan. Semua ada lagi lapan beradik. Saya mati soqang dah. Tiga mati soqang. Hat nombor 2 mati (sedih). Tinggai sayang soqang. Tiga beradik. Kalau harta banyak, kepala kuasa la oqhang panggil nah (ketawa besar). Tapi harta tak dak. Boleh hidup lagi la. Tak dak harta pon. Okay la tu. Rumah ni besaq, kita kata tak dak harta, depa tak percaya noh. Taqa tu.

**MDI: Wan, wan tunjuk gambaq yang tu. Gambaq yang tu. Sapa dia? Wan boleh kenalkan?**

IBA: Hat ni la kata *patner* saya yang kata main dengan saya ni (menunjuk ke arah gambar). Hat pakai kain tu. Hat ni setiausaha (menunjuk ke arah gambar), bekas setiausaha--- dan dia jadi menantu tok guru. Ni (menunjuk kearah gambar). Dia pon mati dah. Tiga-tiga mati dah (menunjuk ke arah gambar) tinggai saya soqang ja (menggaru kepala) empat oqhang ni (melihat gambar). Dia keja, dia keja tukang kebun dulu. Langgaq dulu.

**MDI: Pastu yang sijil ni. Yang sijil ni wan dapat kat mana? Siapa yang bagi?**

IBA: Sijil ni, depa [*Yayasan Tengku Kassim*], Yayasan, (membaca) Tengku Kassim. Haa Tengku Kassim [*Ahli Kerabat Di-Raja Kedah*] . Apa, anak dia Tengku Mansor [*Ahli Kerabat Di-Raja Kedah*] depa perwujud tu, depa panggil oqhang lama-lama, depa bagi la sijil. Depa panggil kita pi teqima di nuhh, belah sana nuh. Apa. Paya Pahlawan. Paya Pahlawan (menunjuk sijil ke arah kamera).

**MDI: Ni yang gambaq seterusnya wan.**

IBA: Gambaq ni depa ada buat satu majlis di, di tu, tang carwah tu [*Carwash Pekan Langgar*]. Kenduri apa, ada la buat persembahan apa. Haa dia ni lah (menunjuk ke arah gambar). Hat ni lah, Guru [*Ahmad Lofti Bin Omar*] la ni. Hat baju merah tu.

**MDI: Tunjuk dekat kamera wan.**

IBA: (Menunjuk ke arah kamera) Hat baju merah tu. Dialah ganti tok guru [*Ismail Bin Haji Zakaria*] sekarang ni. Md Lotfi nama dia. Dia la sekarang ni. Md Lotfi nama dia. Lotfi. Dia anak kepada adik tok guru la. Dia tok guru tu, tok guru sulung, dia nombor dua. (Gangguan suara kenderaan).

**MDI: Kiqa lepaih daripada dia [*Ahmad Lofti Bin Omar*], adakah cucu [*Ahmad Farhan Bin Ahmad Fuad*] wan akan sambung warisan ini?**

IBA: Haa hat tu kita tak mau kata la. Sebab kadang-kadang, mungkin dia ada calon-calon dia kot. Mana kita tau.

**MDI: Sebab tengok dalam wawancara TV3 tu, dia [*Ahmad Farhan Bin Ahmad Fuad*] nak sambung, nak kembangkan. Macam tu la.**

IBA: Hat tu, hat tu kita tak berani kata la. Mungkin ada kot. Kalau ada la dok tuntut sikit, dia la tu. Hat ni dia buka Hutan Kampung ni baju merah ni. Hutan Kampung (melihat gambar dengan teliti).

**MDI: Kiqa ni semua yang dalam seni silat bunga la wan ? (menunjuk ke arah gambar)**

IBA: Hat ni, kira kata jawatankuasa hat buat persembahan tu ja la. Kalau ikut, tak muat. Ni carwash ni (menunjuk ke arah kiri) tempat basuh keta [*carwash Pekan Langgar*]. Tempat basuh keta tu hat saya. Hat saya tu. Anak saya tu. Tu depa pasang bunga apa tu. Depa mintak buat tang tu. Depan tu ada lapangan. Haa tu la. Kita buat persembahan, makan, pertunjukkan silat apa pon ada la. Masa tu qhamai gak la depa buat tu.

**MDI: Okay ada soalan tambahan wan. Yang persatuan seni silat bunga ni wan kan, besa , hantaq macam masuk pertandingan tak? Pertandingan lawan ka?**

IBA: Ada-ada.

**MDI: Bole wan ceritakan dak sedikit?**

IBA: Ada, tapi masa tu tak masuk ataih nama silat bunga macam yang saya ceqita awai tadi la.

**MEH: Yang silat olahraga?**

IBA: Haa silat olahraga. Ada gak dapat, dia besa menang. Besa dapat menang. Olahraga. Besa masuk sekali. Ataih nama silat bunga, pi main dengan silat lain tu tak dak lah. Kita tak mau. Jadi cabaran kan. Olahraga tu pakat pi belajaq sikit-sikit. Baqu main. Hat tu ada lah. Tu yang kata, kata tadi. Pengerusi Rahman Hassan tu. Haa pelakon tu. Besa gak mai mesyuarat. Rahman Hassan. Dia, ada lah, Dia mungkin daripada, Kolumpo [*Kuala Lumpur*] la kot. Gutu lah. Yang kita ingat la. (Perkataan tidak jelas).

**MDI: Ada waktu berapa lama lagi?**

**MEH: Lagi dalam lapan minit.**

**MDI: Lapan minit. Haa sikit lagi wan.**

**MDI: Ada apa-apa tambahan sikit? Jat ada dak?**

**MEH: Tak dak.**

**MDI: Kira--- kir boleh tamatkan awai tak?**

**MEH: Boleh-boleh.**

IBA: Lapan minit ja. Kot ada satu dua lagi. Tak dak dah? Kot ada nak tanya saya ka?

**MDI: Rasa tak dak apa dah, wan dah cerita semua dah.**

IBA: Haa wan dah cerita daripada awai dah. Cuma lagu tu lah. Apabila kita belajaq, enam bulan, daripada mula, enam bulan, tamat lah. Haa bila tamat tu, adalah syarat-syarat tok guru tu lah. Dah tu dia kena la, limau pulut apa semua tu adalah. Haa tu syarat. Syarat telah la. Perlimau [*istiadat pertabalan*] haa kita kena bawak mai. Pulut kuning. Hat tu syarat (ketawa).

**MEH: Setiap guru tu beza-beza syarat dia wan?**

IBA: Haa?

**MEH: Setiap guru tu syarat dia beza-beza ka sama?**

IBA: Ehh lain. Guru-guru lain silat lain. Dia silat lain. Silat bunga silat lain. Macam gayong tak tau la, gayong berlain. Dulu hat mengajaq sini dulu kawan saya tapi dia mati. Haji Il jugak nama. Tapi, tak tau depa tamat caqa mana, kita tak mau kacau depa la. Lagi-lagi depa pon tak bagi, hat kita pon tak bagi oqhang luanq mai kacau.

**MEH:Betoi, jaga hat kita la.**

IBA: Haaa, dulu ada fight la dulu. Lepaih, jumpa tok guru, saya terima pengeras, turun dalam gelanggang, depa *test* dua tiga oqhang, haa hang lawan hang kena. Hat yang balik tak dak lawan (tersenyum). Tak lawan nak buat apa (ketawa). Haa ada jugak, ada hat kemaih, turun-turun (gaya berlagak) mai lawan. Lawan-lawan kena depa ni banyak oqhang. Dalam gelanggang tu. Haa tu cewita dia. Dok Perlisau [*istiadat pertabalan*]. Lagu tu la syarat dia. Apa, tak dak apa aihh. Habih la tu.

**MDI: Okay bole baca skrip penutup Jat**

**MEH: Dengan ini, tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang Seni Silat Bunga bersama Haji Ismail Bin Abu. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Dengan ini tamatlah sesi temu bual bagi sesi kedua bagi bidang Seni Silat Bunga bersama Yang Berbahagia Haji Ismail Bin Abu kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan kesudian beliau dalam wawancara ini. Sekian Terima Kasih.**

## **LOG TEMUBUAL**

## 6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	
05:26-06:39	<b>Latar Belakang Diri</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama tokoh Haji Ismail Bin Haji Abu.</li> <li>• Dilahirkan pada 19/9/1939.</li> <li>• Berumur 82 tahun.</li> <li>• Lahir di Kampung Alor Keladi,Alor Setar,Kedah.</li> <li>• Menetap di Kampung Alor Keladi,Alor Setar,Kedah.</li> <li>• Bersekolah di Sekolah Kebangsaan Langgar.</li> </ul>
07:07-08:30	<b>Latar Belakang Keluarga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama ayah beliau ialah Abu Bin Ismail manakala ibu beliau Zubaidah Bin Mad Arif</li> <li>• Mempunyai tiga-beradik sahaja satu lelaki dan dua orang perempuan</li> <li>• Anak yang pertama</li> </ul>
08:42-10:12	<b>Latar Belakang Perkahwinan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isteri bernama Habsah Binti Hasyim</li> <li>• Berkahwin selama 58 tahun</li> <li>• Mempunyai 7 cahaya mata</li> <li>• Mempunyai 31 cucu</li> </ul>
10:24-15:34	<b>Latar Belakang Penglibatan Silat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkawan rapat dengan Tok Guru atau Pengasas Silat Bunga Kedah Allahyarham Ismail Bin Haji Zakaria pada tahun 1961</li> <li>• Diasaskan sekitar sebelum tahun 1961 sebelumnya tertubuh persatuan rasmi.</li> <li>• Tokoh terlibat secara langsung pada 1968.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Silat ini dibawa balik dari Singapura oleh pengasasnya yang berpengalaman sebagai Askar British di Singapura</li> <li>• Haji Ismail Bin Abu adalah antara rakan perjuangan mengembangkan Seni Silat Bunga ini dan menjadi Timbalan Presiden bagi persatuan ini.</li> <li>• Diajak oleh adik iparnya yang mempelajari Silat Bunga Kedah ini.</li> <li>• Akhirnya, beliau berminat sehingga boleh menjadi gurulatih dan pelopor seni silat ini.</li> </ul>
15:36-16:17	<b>Keunikan Silat Bunga Kedah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai tarikan tersendiri daripada keakraban tokoh dan pengasas Silat Bunga Kedah ini berbanding silat-silat lain yang ada pada masa itu.</li> <li>• Mempunyai tarikan kerana aliran ini hanya bermula di negeri Kedah dan membawa nama negeri secara tidak langsung ke negeri-negeri lain.</li> </ul>
16:24-17:10	<b>Saingen bagi seni Silat Bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat saingen semasa beliau dilantik menjadi guru latih daripada silat-silat lain</li> <li>• Atas dasar keakraban tokoh dan gurulatih silat lain maka tiada persaingan sehingga berlaku pertelingkahan berlaku.</li> </ul>
17:13-19:31	<b>Status penglibatan pengajaran silat pada masa kini</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengajaran hanya kepada guru latih yang mengajar Silat Bunga ini bagi sesi pencerahan ilmu dan teknik daripada tokoh sendiri.</li> <li>• Hanya separa aktif di dalam bidang silat ini atas faktor usia.</li> <li>• Ditolak pelawaan menjadi pengganti Presiden bagi Persatuan Seni Silat Bunga Kedah apabila pengasas Ismail Bin Haji Zakaria berhasrat untuk berhenti. Beliau menerima dengan terbuka lantas memilih anak saudara nya sendiri sebagai pengganti</li> </ul>

19:34-22:49 Behenrti 20:16	<b>Persembahan Seni Silat Bunga Kedah di hadapan kenamaan dan di majlis keramaian/kenduri</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pernah melakukan persembahan di hadapan Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj ibni Almarhum Sultan Ismail Sultan Johor dan beberapa kali di hadapan Almarhum Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Kedah.</li> <li>Pernah juga melakukan persembahan di Dataran Merdeka mewakili Persatuan Silat-Silat Kedah dijemput oleh Kementerian Belia dan Sukan.</li> <li>Dihadapan Almarhum Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Kedah pada masa itu Baginda Sultan telah dipilih mengikut pusingan Majlis Raja-Raja sebagai Yang-Dipertua Agong ke-5 di majlis makan tengah hari di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bertempat di Ampang Jajar, Alor Setar, Kedah sekitar tahun 1970 sehingga 1975</li> <li>Dikatakan waktu beliau aktif persembahan silat, hampir sebulan dijemput di majlis-majlis perkahwinan sehingga pendapatan mencecah ribuan ringgit</li> </ul>
22:51-24:59	<b>Perasaan bila dipilih temuramah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Beliau berbangga orang masih menghargai seni silat pada zaman moden kini meskipun beliau sudah tidak memegang jawatan seperti mana dahulu dan faktor usia mengurangkan aktiviti silat beliau seperti dahulu.</li> <li>Berbangga dengan pengalaman beliau dipilih ditemu ramah oleh TV3 bagi rancangan Majalah 3</li> </ul>

		<p style="text-align: right;">sempena Pesta Rakyat Sempena Majlis Pertabalan Sultan Kedah ke-29 pada 27 Oktober 2018</p>
25:25-46:25	<p><b>Kronologi masa penglibatan tokoh dalam seni Silat Bunga Kedah dan sejarah Persatuan Seni Silat Bunga Negeri Kedah</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belajar pada tahun 1968 tamat belajar pada tahun 1969 setelah melakukan tradisi adat ‘perlimau’ iaitu memerah limau purut ke dalam mata.</li> <li>• Persatuan Seni Silat Bunga Negeri Kedah tertubuh pada 1969 menjadi persatuan yang sah didaftar di dalam Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.</li> <li>• Menggunakan akronim B.U.N.G.A untuk meluluskan pendaftaran. Maksud ialah B-berjuang,U-untuk,N-negara,G-gagalkan, A-angkara.</li> <li>• Menghantar permohonan sehingga diluluskan kerana perkembangan positif persatuan silat.</li> <li>• Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) mengadakan satu pecahan silat bagi pertandingan di mana menggabungkan pesilat-pesilat datang daripada setiap aliran untuk diseragamkan di bawah satu silibus bagi pertandingan. Pelajar-pelajar Silat Bunga Negeri Kedah turut menyertai bagi anjuran baharu pada masa itu.</li> <li>• Menurut tokoh Silat Olahraga perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan jika gagal mengikuti akan dibatalkan penyertaan.</li> <li>• Akronim yang digunakan untuk diluluskan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia kerana silat yang dibawak balik oleh pengasasnya dari Singapura bernama Silat Sendeng.</li> <li>• Asalnya di sekitar negeri Kedah sahaja tapi berkembang ke gelangan di Sungai Chinchin, Kuala Lumpur.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya memerlukan enam-bulan bagi tempoh tamat silat dan menurut tokoh no ahli beliau ialah nombor 14 bermakna beliau antara perintis awal seni silat ini.</li> <li>• Beliau masih aktif mengajar tenaga pengajar tentang ‘<i>tari</i>’ pergerakan silat yang ada di dalam silat tersebut.</li> <li>• Menegaskan bahawa generasi sekarang kurang minat terhadap kehalusan seni gerakan tari tetapi lebih cenderung kepada pertempuran silat itu sendiri tetapi beliau menegaskan bahawa seseorang yang boleh menguasai pergerakan tari secara langsung boleh menguasai tempur kerana pergerakan tari itu sendiri tersirat buah-buah tempur.</li> </ul>
46:27-48:38	<b>Syarat pembukaan gelanggang silat dan kemasukan ahli</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu adanya gelanggang yang sesuai dari segi keluasan. Gelanggang juga perlu dirasmikan oleh Tok Guru Haji Ismail Bin Haji Zakaria untuk membaca ayat suci Al-Quran bagi tujuan “<i>memagar</i>” daripada pencerobohan anasir luar.</li> <li>• Syarat masuk mestilah pada tiga malam bermula pada 13 sehingga 15 Kalendar Hijriah bagi tempoh 6 bulan sahaja.</li> <li>• Malam pertama peserta perlu membawa limau kasturi sebanyak 3 biji, benang putih dan jarum. Limau tersebut perlu diperah dimasukkan di dalam mata. Jadi keseluruhan selama 6 bulan ialah 18 biji limau kasturi diperah mengikut tiga malam Kalendar Hijriah tersebut.</li> <li>• Jika terlupa sehari sahaja dalam tempoh tersebut maka perlu dilakukan semula daripada tempoh bulan pertama sehingga keenam.</li> </ul>

48:42-56:31	<b>Interaksi dengan aliran seni silat lain</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ramai kenalan yang menjadi gurulatih silat lain tapi atas penjagaan imej seni masing-masing interaksi mahupun pertanyaan adalah jarang pada masa dahulu.</li> <li>• Tetapi menurut Haji Ismail Bin Haji Abu, penuntut seni Silat Gayong juga pernah mempelajari Silat Bunga lantas menjadi campuran yang hebat daripada asas gerakan Silat Gayung dan Silat Bunga.</li> <li>• Pada masa itu Tok Guru iaitu Pengasas Silat Bunga dan pelopor idea Silat Bunga iaitu Pak Cik Yaakob, seorang bekas Pegawai Waran Askar Melayu British juga masih aktif pada masa itu di Kuala Lumpur dan Pak Cik Anuar yang berasal daripada Teluk Ramunia,Pengerang,Johor.</li> </ul>
-------------	--	---

## LOG TEMUBUAL (SESI 2)

Log	Topik	Kandungan Topik
00:00 – 03:28	<b>Persediaan sebelum mula temuramah kata daripada Ezzat</b>	-
03:29 – 06:13	<b>Maksud B.U.N.G.A</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• B = Berjuang</li> <li>• U = Untuk</li> <li>• N = Negara</li> <li>• G = Gagalkan</li> <li>• A = Angkara</li> </ul> <p>- Dipilih oleh Jawatankuasa Persatuan Seni Silat Bunga</p> <p>- Jawatankuasa juga bertangungjawab untuk mencipta logo persatuan silat</p>
06:14 – 09:40	<b>Jenis senjata yang digunakan dalam silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keris</li> <li>- Golok</li> <li>- Rotan pendek</li> <li>- Rotan panjang</li> <li>- Rantai (diharamkan oleh Kerajaan Malaysia)</li> <li>- Besi</li> <li>- Parang panjang</li> </ul> <p>- Senjata yang digemari oleh tokoh ialah keris dan parang panjang.</p>
09:41 – 11:13	<b>Alat muzik yang digunakan dalam seni silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gendang x2</li> <li>• Serunai</li> <li>• Gong</li> </ul> <p>- Tokoh tidak tahu dan berminat untuk main alat muzik silat.</p>
11:14 – 15:00	<b>Warna dalam pakaian silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Warna rasmi = Kuning</li> <li>- Pelajar biasa = Hitam</li> <li>- Baju Jawatankuasa = Kuning</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Maksud warna kuning = Kuning Di-Raja/ Hebat</li> <li>- Selepas enam bulan, akan mendapat lambang Helang Samarani pada pakaian.</li> </ul>
15:01 – 16:03	<b>Perbezaan silat bunga dengan silat lain</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada perbezaan dan tidak banyak perbezaan.</li> <li>- Lebih kurang dengan silat lain</li> <li>- Tangan dua dan kaki dua.</li> <li>- Yang penting niat di hati.</li> <li>- Tidak mahu membezakan silat bunga dengan silat lain untuk mengelakkan salah faham.</li> </ul>
16:04 – 18:13	<b>Gerakan dalam silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Untuk asas, tok guru akan mengajar tari dahulu</li> <li>- Selepas menguasai tari, pelajar akan diajar buah silat. Akan diajar tumbukan (jurus) dan tendangan.</li> <li>- Pada waktu dulu, tumbuk dua, tendangan dua. Tetapi diubah pada masa kini. Iaitu tumbukan dahulu dan</li> </ul>

		<p>kemudianya barulah tendangan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Untuk mempercepatkan pembelajaran.</li> <li>- Contoh jurus dalam silat bunga ialah tumbuk kiri, tumbuk kanan, sepak kiri dan sepak kanan. Kemudian disusuli dengan tari dan beberapa buah pukulan.</li> </ul>
18:15 – 19:10	<b>Tempoh untuk menguasai silat bunga sepenuhnya</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sekurang – kurangnya enam bulan.</li> </ul>
19:11 – 20:25	<b>Hari latihan diadakan dalam seminggu</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada zaman tokoh belajar, ianya dilangsungkan tiap-tiap malam. Kecuali pada malam Jumaat.</li> <li>- Dalam seminggu, enam kali latihan akan diadakan. Tiada selang hari. Jika tidak hadir, akan terlepas pelajaran kerana tiap-tiap hari, pelajaran akan berubah dan gerakan baru akan diperkenalkan.</li> <li>- Terpaksa selang jugak jika ada hal, kerja dan kecemasan.</li> </ul>
20:28 – 22:08	<b>Bayaran yang dikenakan untuk menyertai latihan silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ketika tokoh belajar, bayarannya hanya RM3.25 sahaja. Yuran pendaftaran</li> </ul>

		<p>hanya RM3. RM3 pada waktu itu nilainya besar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sekarang yuran pendaftaran dan yuran bulanan meningkat tetapi tidak mencecah puluhan ringgit.</li> <li>- Yuran pendaftaran kekal hingga sekarang, yang diubah hanya yuran belajar.</li> <li>- Bayaran untuk menyertai silat bunga tidaklah mahal.</li> </ul>
22:09 – 24:19	<b>Pantang larang dalam silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ada bacaan ayat-ayat Quran sedikit dalam gelanggang.</li> <li>- Tiap – tiap, latihan membaca Quran juga akan dijalankan sebelum latihan.</li> <li>- Harus membaca Surah Al – Fatihah sebelum memulakan latihan. Dibaca sebanyak 3 kali.</li> </ul>
24:21 – 25:14	<b>Umur paling muda untuk menyertai silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sekurang- kurangnya umur 12 tahun. Tetapi jika tamat awal latihan pada umur awal, ianya tidak akan ditabol tamat belajar kerana masih muda.</li> <li>- Bagus untuk pendedahan di usia muda tetapi agak sukar kerana perlu bergaul dengan pelajar lebih tua dan akan tercipta kelompok antara</li> </ul>

		<p style="text-align: center;">pelajar tua dan pelajar muda di gelanggang.</p>
25:16 – 26:40	<b>Cabaran sepanjang penglibatan dalam silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak banyak cabaran yang besar sepanjang penglibatan tokoh dalam seni silat bunga.</li> <li>- Antara cabaran yang ada ialah orang ajak untuk berlawan antara satu sama lain.</li> <li>- Cabaran seterusnya ialah ketika mahu membuka gelanggang baru, sudah ada silat lain yang mengajar di tempat itu. Pernah datang untuk tanya jenis silat apa yang diajar tetapi tiada berlaku pergaduhan dan salah faham.</li> <li>- Pernah dicari oleh individu silat lain untuk bertanyakan mengapa mengajar silat bunga di kawasan orang.</li> </ul>
26:41 – 28:59	<b>Cabaran ketika mengajar dan cabaran ketika dalam latihan silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Terdapat pelajar silat lain yang menyertai latihan silat bunga dan ingin membandingkan antara silat bunga dan silat yang pelajar itu pelajari.</li> <li>- Memesan agar mengekalkan silat yang dipelajari, tidak mencampur – adukkan dengan silat yang lain.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pernah bertanding dengan guru taekwando dan hampir kalah walaupun hanya perlawanan persahabatan.</li> <li>- Tok guru pernah guna taktik kotor ketika berlawan.</li> </ul>
29:00 – 29:55	<b>Cabarannya dalam mengekalkan warisan seni silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sentiasa patuh kata-kata tok guru dan jangan ingkar arahan tok guru.</li> <li>- Harus hormat – menghormati antara satu sama lain.</li> <li>- Tiada banyak cabaran dalam mengekalkan warisan seni silat. Masih terjamin sehingga masa kini.</li> </ul>
29:57 – 31:22	<b>Pencapaian paling tinggi yang pernah dicapai oleh tokoh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pencapaian paling tinggi yang pernah digapai oleh tokoh ialah dipanggil untuk melakukan persembahan di hadapan Yang Di-Pertuan Agong sebanyak dua kali.</li> <li>- Melakukan persembahan di hadapan Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj ibni Almarhum Sultan Ismail dan Al-Sultan Al-Mu'tassim Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pernah mengalahkan tok guru dalam perlawanan satu lawan satu. Diakui sukar untuk dikalahkan oleh para pelajar yang lain.</li> </ul>
31:23 – 31:54	<b>Pencapaian yang tidak dapat dilupakan oleh tokoh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pencapaian yang paling tidak dapat dilupakan oleh tokoh ialah melakukan persembahan silat di hadapan Yang Di-Pertuan Agong sebanyak dua kali.</li> <li>- Diakui tidak semua para pesilat akan mendapat peluang yang sebegini.</li> </ul>
31:55 – 33:07	<b>Perasaan ketika melakukan persembahan di hadapan Yang Dipertuan Agong</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tokoh berasa gementar dan berasa seronok ketika dipilih dan dijemput untuk melakukan persembahan di hadapan Yang Dipertuan Agong.</li> <li>- Tidak berasa gerun dan terkejut kerana ingatkan Yang Dipertuan Agong tidak suka akan persembahan silat yang dilakukan oleh tokoh.</li> <li>- Rupanya Yang Dipertuan Agong murka akan para pemain muzik kerana bermain dengan tidak betul.</li> </ul>
33:15 – 33:56	<b>Harapan tokoh kepada silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tokoh mengharapkan agar silat bunga ini tidak mati dan</li> </ul>

		<p>bagi ada hingga generasi – generasi yang akan datang.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Meminta agar guru-guru silat sekarang dan jurulatih – jurulatih sekarang menjaga silat bunga ini sebaiknya dan teruskan mengajar walau apa pun terjadi.</li> </ul>
33:58 – 35:40	<b>Harapan tokoh kepada persatuan seni silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Disebabkan gelanggang di Langgar merupakan gelanggang yang banyak jasanya kepada tokoh; tokoh mengharapkan agar persatuan terus menjaga gelanggang yang sedia ada.</li> <li>- Minta para pelajar jugak turut jaga kerana hanya itulah gelanggang dari turun temurun.</li> </ul>
33:42 – 33:18	<b>Harapan tokoh pada masyarakat terhadap silat bunga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Minta orang – orang tua tidak kacau gelanggang itu dan bersama – sama menjaga gelanggang di Langgar, Kedah.</li> <li>- Kerana gelanggang asal dari bertahun – tahun lalu.</li> <li>- Mengajar semua orang di Langgar agar menjaga warisan tersebut.</li> </ul>

33:20 – 39:19	<b>Harapan tokoh kepada generasi muda dan generasi – generasi akan datang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tokoh meminta kepada generasi muda, tidak rugi apa apa. Sebaliknya dapat menambah ilmu dan juga dapat mengekalkan warisan seni silat bunga ini. Selain itu, tidak rugi juga dalam mempelajari silat bunga ini.</li> <li>- Bayaran juga berpatutan dan tidaklah mahal.</li> <li>- Keseluruhan orang Langgar menyertai silat bunga dan terdiri daripada berbagai generasi. Daripada datuk hingalah ke cucu.</li> </ul>
38:22 – 39:22	<b>Penyambung seni silat bunga pada masa akan datang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Setakat sekarang ada tok guru yang menyambung legasi tersebut sekarang dan berumur 50 an.</li> <li>- Masih belum tahu siapakah pengganti di masa akan datang.</li> <li>- Terdapat beberapa calon yang dikatakan layak dan tidak menolak kemungkinan cucu tokoh sendiri akan menyambung legasi tersebut pada masa akan datang. Tetapi bergantung kepada cucunya juga sama ada mahu atau tidak.</li> </ul>
39:25 – 42:45	<b>Harapan untuk terus berkembang sehingga luar dari Langgar, Kedah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Insyallah akan berkembang kerana setakat sekarang, silat</li> </ul>

		<p>bunga telah berkembang di Perlis dan Langkawi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kuala Lumpur terdapat di dua tiga tempat. Terdapat juga di Gombak, Sungai Buloh, Rawang dan Sentul.</li> <li>- Bakal diwujudkan di Bangi.</li> <li>- Diminta jangan “Mati tak berkubur”</li> </ul>
42:46 – 44:80	<b>Situasi silat bunga jika Covid – 19 tidak berlaku</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembelajaran akan diteruskan kerana pembelajaran tidak pernah putus di gelanggang Langgar.</li> <li>- Sama juga di Langkawi. Gelanggang di sana masih hidup sehingga sekarang tetapi terpaksa diberhentikan seketika kerana Covid – 19.</li> <li>- Langgar merupakan gelanggang yang pertama manakala Gelanggang Tok Keling merupakan gelanggang kedua</li> <li>- 40 dan 50 orang satu gelanggang.</li> </ul>
44:28 – 45:38	<b>Sumbangan tokoh kepada penduduk sekitar Langgar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tokoh tidak mengambil bayaran dan melakukan persembahan silat secara percuma di majlis kenduri sekitar kawasan Langgar.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Juga menyediakan persembahan untuk majlis – majlis lain selain kenduri.</li> </ul>
49:38 – 52:41	<b>Tokoh berkongsi gambar dan sijil</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tokoh menunjukkan gambar pasangan silat dan beberapa orang kuat dalam persatuan silat bunga.</li> <li>- Tokoh menunjukkan sijil yang terdapat sepanjang penglibatan. Terdapat beberapa sijil penghargaan yang hilang.</li> <li>- Tokoh menunjukkan gambar kesemua ahli dan pelajar dalam persatuan silat bunga.</li> </ul>
52:42 – 53:20	<b>Penglibatan dalam apa-apa pertandingan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ada tetapi tidak masuk atas nama silat bunga. Tetapi menggunakan nama silat olahraga.</li> </ul>
54:18 – 56:31	<b>Tokoh berkongsi beberapa informasi tambahan sebelum menutup temuramah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-</li> </ul>
56:31 – 57:45	<b>Kata – kata akhir daripada tokoh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-</li> </ul>

## RALAT

RALAT	MASA
Cucu tokoh datang kerumah (Sesi 1)	6:44 – 6:58
Seseorang datang ke rumah tokoh untuk mengambil barang (Sesi 2)	17:15 – 17:43
Gangguan Internet (Sesi 2)	47:15 – 47:34

## **GLOSARI**

## **GLOSARI**

### **PERKATAAN**

A.Rahman Hassan

Belah Mulut

Bukit Tinggi

Bulan Melayu

COVID

Kayu panjang

MADA

### **MAKSUD**

Dato' Abdul Rahman Bin Hassan seorang penyanyi legenda tanah air yang aktif sewaktu kegemilangan genre Pop Yeh-Yeh di Malaysia

Amalan tahnik dikenali sebagai belah mulut ialah amalan yang menjadi sunah Rasulullah yang dilakukan kepada bayi yang baru lahir. Bayi akan diberikan buah kurma yang direndam di dalam air zamzam yang kemudiannya disapukan ke lelangit mulut bayi tersebut

Kampung Bukit Tinggi di dalam kawasan Kepala Batas,Kedah

Kalendar Hijrah ataupun dikenali sebagai bulan Melayu dikalangkan masyarakat terdahulu ialah kalendar yang digunakan oleh umat Islam. Kalendar ini terdapat 354 hari berbanding 365 hari. Sistem kalendar ini diperkenalkan sewaktu zaman Khalifah Sayidina Umar Al-Khatab dan nama diberi sempena penghijrahan Rasulullah S.A.W dari Mekah ke Madinah

Virus COVID-19 ialah virus yang tular pada masa kini telah melanda wabak di seluruh pelosok dunia yang bermula daripada Bandar Wuhan di Wilayah Hubei di Republik Rakyat China

Salah satu alat permainan di dalam Silat Bunga.

Akronim Lembaga Kemajuan Pertanian Muda atau singkatannya MADA ialah satu badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Malaysia yang

bertanggungjawab menjaga pengairan di Sungai Muda yang penting terhadap industri penanaman padi di negeri Kedah

Musang King

Musang King ialah nama gelaran bagi variasi buah durian di Malaysia. Nama diberi apabila spesies yang berasal dari Gua Musang,Kelantan yang dikacukkan di Raub,Pahang ini memberi rasa yang unik dan sedap berbanding variasi yang datang sebelumnya

Pegawai Warran

Pangkat yang wujud di dalam tahap pangkat di Angkatan Tentera Malaysia. Mereka ialah pegawai tanpa tauliah yang diberi kerana mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang ketenteraan.

PEKIDA

Akrонim bagi Persatuan Kebajikan Islam dan Dakwah Islamiah Malaysia yang merupakan badan bukan kerajaan yang berfungsi bagi menjaga kebajikan orang Melayu di Malaysia.

PESAKA

Akrонim bagi Persekutuan Silat Kehangsaan Malaysia ialah salah satu badan induk yang mewakili semua seni silat di Malaysia untuk berdaftar di bawah satu badan.

Pop Yeh-Yeh

Genre lagu yang wujud di Malaysia 1965-1971 yang berpengaruh daripada kumpulan The Beatles dan lain lain.

Sembah pengantin

Gerakan di dalam majlis perkahwinan di mana pesilat akan melakukan pergerakan atau tari menghormati pengantin.

Silat Olahraga

Salah satu arah tuju yang dibayangi oleh Persekutuan Silat Kehangsaan Malaysia untuk memodenkan perlawanan silat. Silat Olahraga ini ialah satu jenis bentuk yang seragamkan

pergerakan dan peraturan yang berbeza daripada setiap jenis seni silat.

SPRM	Akronim kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ialah satu badan kerajaan yang menyiasat dan menangkap hal kes-kes jenayah rasuah.
Taekwondo	Salah satu seni mempertahankan diri yang berasal daripada negara Korea yang mempunyai pengaruh daripada Jepun dan China
Temonyong	Salah satu nama tempat di Pulau Langkawi.
Tok Guru	Ialah gelaran bagi pengasas Seni Silat Bunga iaitu Allahyarham Haji Ismail Bin Haji Zakaria yang mengasaskan persatuan silat ini.

## **INDEKS**

## INDEKS

---

### A

Agong · 6, 21, 22, 55, 56, 70, 79, 80  
Al-Hijrah · 23  
Ampang · 22, 57, 70  
Anak · 12, 17, 64, 68  
Army · 18  
Ayah · 16, 40

---

### B

belajaq · 17, 18, 19, 20, 24, 26, 28, 30, 31, 32, 33, 34, 37, 44, 45, 46, 48, 49, 50, 51, 52, 54, 57, 58, 59, 60, 61, 65  
beradik · 16, 17, 63, 68, 98  
Bulan · 54, 87  
Bunga · 4, 5, 6, 15, 20, 21, 23, 24, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 33, 34, 41, 43, 47, 48, 66, 68, 69, 70, 71, 73, 74, 87, 89, 96

---

### C

cabaran · 4, 11, 34, 53, 54, 55, 65, 78, 79, 99  
Cabaran · 53, 54, 55, 78, 79  
cerita · 18, 19, 20, 21, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 37, 39, 40, 43, 44, 45, 47, 55, 62, 65

---

### D

derma · 51, 62  
dinding · 58

---

### G

Gayong · 9, 19, 21, 24, 34, 62, 73  
Gelanggang · 29, 57, 58, 61, 72, 83  
gendang · 46, 55, 61  
generasi · 4, 9, 11, 57, 58, 59, 60, 72, 81, 82, 99  
gerakan · 4, 8, 9, 26, 32, 49, 72, 73, 76, 99  
Golok · 44, 45, 74  
gong · 46, 47  
gugur · 33  
Guru · 17, 52, 64, 66, 68, 72, 73, 89

---

---

### H

Harapan · 57, 58, 60, 80, 81, 82  
Helang · 47, 48, 75  
hitam · 30, 47, 48

---

### J

Jawatankuasa · 44, 74  
jurus · 49  
Jurus · 49, 50

---

### K

kain · 32, 35, 45, 63  
Kampung · 5, 15, 29, 43, 64, 68, 87, 96, 102  
Kedah · 4, 5, 2, 3, 5, 6, 15, 21, 22, 23, 25, 27, 29, 30, 31, 40, 43, 44, 48, 54, 60, 63, 68, 69, 70, 71, 81, 82, 87, 88, 96, 101, 102  
Kekal · 59  
kenduri · 22, 27, 40, 55, 70, 83, 84, 98  
Keris · 44, 46, 74  
kuasa · 63  
kuning · 47, 48, 65, 75

---

### L

lambang · 44, 48, 75  
Langgaq · 8, 16, 29, 40, 53, 57, 58, 59, 60, 61, 63  
Langkawi · 6, 29, 30, 31, 35, 36, 37, 54, 60, 61, 83, 89  
latihan · 31, 50, 51, 52, 53, 76, 77, 78, 99  
lawan · 20, 26, 27, 32, 34, 53, 55, 62, 64, 66, 80  
lengkong · 33  
limau · 33, 34, 50, 51, 65, 71, 72

---

### M

mengajaq · 19, 20, 28, 29, 30, 31, 32, 34, 35, 49, 53, 54, 55, 59, 60, 66  
muzik · 12, 46, 56, 74, 80, 99

---

**O**

olahraga · 8, 25, 65, 84

---

**P**

parang · 45, 74

pasang · 45, 62, 64

pengalaman · 4, 6, 11, 15, 36, 43, 70, 88

penumbuk · 49

Perlimau · 44, 45, 54, 61, 65, 66

persatuan · 6, 18, 21, 22, 24, 26, 32, 44, 47, 57, 64, 68, 69, 71, 74, 81, 84, 89, 98, 99

---

**R**

· Raja · 48, 63, 70, 75

Rasullullah · 52

---

**S**

Samarani · 47, 48, 75

samseng · 30, 40

semangat · 5, 60, 61

sembilan · 15, 16, 17, 24, 36, 37

senjata · 4, 8, 44, 45, 74, 99

silat · 4, 6, 8, 9, 11, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25,

26, 27, 28, 29, 31, 32, 33, 34, 35, 38, 39, 43, 44, 45,

46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59,

60, 61, 62, 64, 65, 66, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76,

77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 88, 89, 93, 98, 99, 101,

102

Singapore · 18, 24, 26, 36, 44

sulung · 16, 17, 64

Sumbangan · 9, 61, 83

---

**T**

Taekwondo · 26, 89

tari · 23, 27, 32, 33, 49, 50, 56, 72, 75, 76, 88

Temonyong · 29, 30, 89

terbang · 30, 34, 35, 36

Tok · 17, 18, 29, 40, 54, 55, 57, 60, 61, 63, 68, 72, 73, 79, 83, 89

tolak · 23, 34

---

**U**

Uniform · 47

## BIBLIOGRAFI

Kassim A. (Ed.) (1995). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosly, J. (2019, Disember 14). Harian Metro. Retrieved from HMetro:  
<https://www.bharian.com.my/suk...>

Abdullah, D. A. (2018, Jun 25). Harian Metro. Retrieved from HMetro:  
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/06/351550/sedih-anak-muda-pilih-belajar-silat-import>

Ishak, M. H. (2019). Seni Bela Diri Melayu dalam Silat Cekak Pusaka Hanafi. *Akademika 89(Isu Khas/Special Issue)*, 1–12. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-07>

Hasmah Md Ali (2013). Seni Silat Cekak Malaysia Pembina Jati Diri Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 1(2), 179-190.

Mohd Yusoff, M. Y. (2018). PEMULIHARAAN WARISAN BUDAYA MELALUI PERUNDANGAN WARISAN DAN AGENSI PELAKSANA DI MALAYSIA. *Jurnal Melayu*, 1–17.

Sahari, F., & Hj. Hasan, R. (2016). BUDAYA BENDA: PENGENALAN DAN PERMULAAN KEPADA KAJIAN SENI DAN BUDAYA MELAYU SARIBAS. *Journal Universiti Sarawak*, 1–14

Mohammed Anwar Omar Din ed. 2008. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Che Ismail, C. N. B. (2013). PENGEKALAN SENI WARISAN ALAT MUZIK SERUNAI DI KELANTAN. *Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian (Pengurusan Seni)*, 1–24.

## **LAMPIRAN**

## **11.0 BIOGRAFI TOKOH**

<b>Nama:</b>	<b>Haji Ismail Bin Haji Abu</b>
<b>Nama Samaran:</b>	Pak Ey Abu
<b>Tarikh Lahir:</b>	19 September 1939
<b>Tempat Lahir:</b>	Langgar,Kedah, Malaysia
<b>Alamat:</b>	No 146, Kampung Alor Keladi, 06500, Langgar, Kedah
<b>No Telefon:</b>	013-4089108
<b>E-mel:</b>	-
<b>Profesjon:</b>	Pesara & Timbalan Presiden dan Mahaguru Seni Silat Bunga
<b>Bidang:</b>	Pengusaha Makanan Kantin Sekolah dan Persatuan Silat

## 11.2 SURAT PERJANJIAN



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK MENGENAI SEJARAH LISAN

Saya **HAJI ISMAIL BIN HAJI ABU** K/P: **390910 – 02 – 516** pada **11 MAY 2021** dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh  
Tarikh:

)

(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan  
Maklumat Universiti  
Teknologi MARA

### **11.3 SENARAI SOALAN**

#### **SOALAN ORIENTAS**

##### **1.0 LATAR BELAKANG DIRI TOKOH**

- 1.1 Apakah nama penuh tuan haji?
- 1.2 Bilakah tarikh lahir tuan haji?
- 1.3 Dimanakah tuan haji dilahirkan?
- 1.4 Dimanakah tuan haji mendapatkan pendidikan pada zaman persekolahan tuan haji?

##### **2.0 LATAR BELAKANG KELUARGA**

- 2.1 Apakah nama ibu dan ayah tuan haji?
- 2.2 Berapakah bilangan adik beradik tuan haji?
- 2.3 Tuan haji merupakan anak yang keberapa?

##### **3.0 PERKAHWINAN**

- 3.1 Apakah nama isteri tuan haji?
- 3.2 Sekarang masuk tahun keberapa perkahwinan tuan haji?
- 3.3 Tuan haji mempunyai berapa orang anak?
- 3.4 Tuan haji mempunyai berapa orang cucu?

#### **SOALAN UMUM**

1. Bagaimanakah tuan haji boleh menceburi bidang silat bunga ini?
2. Siapakah idola/inspirasi tuan haji dalam bidang silat ini?
3. Bagaimanakah tuan haji boleh meminati bidang silat bunga ini?
4. Apakah keunikan seni silat bunga bagi tuan haji?
5. Siapakah saingan tuan haji dalam bidang silat bunga ini?
6. Adakah tuan haji masih mengajar silat bunga pada masa sekarang?
7. Adakah tuan haji masih mengajar silat bunga pada masa sekarang?
8. Adakah tuan haji pernah melakukan persembahan di hadapan orang kenamaan?
9. Adakah persatuan seni silat bunga ini melakukan persembahan pada apa-apa majlis keramaian atau kenduri kahwin?
10. Apakah perasaan tuan haji bila kami pilih tuan haji untuk ditemuramah?

## **SOALAN KHUSUS**

### **1.0 PERSILATAN**

- Apakah maksud BUNGA?
- Dari manakah datang maksud BUNGA ini?
- Apakah jenis senjata yang digunakan dalam seni silat bunga ini?
- Apakah alat muzik yang digunakan?
- Ada berapa warna pada pakaian silat bunga ini?
- Apakah maksud disebalik warna tersebut?
- Apakah perbezaan seni silat bunga ini dengan silat-silat yang lain?
- Apakah jenis gerakan yang terdapat dalam silat bunga ini?

### **2.0 LATIHAN**

- Berapa lamakah tempoh untuk menguasai sepenuhnya seni silat bunga ini?
- Dalam seminggu, berapa kali latihan silat bunga ini akan diadakan?
- Adakah bayaran akan dikenakan untuk menyertai latihan silat ini?
- Adakah terdapat pantang larang semasa dalam latihan silat ini?

### **3.0 CABARAN**

- Apakah cabaran sepanjang penglibatan dalam seni persilatan ini?
- Apakah cabaran waktu mengajar silat ini?
- Apakah cabaran dalam mengekalkan warisan silat ini?

### **4.0 PENCAPAIAN**

- Apakah pencapaian paling tinggi yang tuan haji pernah dapat?
- Apakah pencapaian yang paling tidak dapat dilupakan oleh tuan haji?
- Apakah perasaan tuan haji semasa menerima pencapaian tersebut?

### **5.0 HARAPAN**

- Apakah harapan tuan haji ke atas silat bunga ini?
- Apakah harapan tuan haji terhadap persatuan seni silat bunga ini?
- Apakah harapan tuan haji kepada masyarakat berkenaan silat bunga ini?
- Apakah harapan tuan haji pada generasi masa kini dan generasi-generasi akan datang?
- Siapakah yang akan menyambung warisan ini pada masa akan datang?

## **DIARI PENYELIDIKAN**

#### **11.4 DIARI PENYELIDIKAN**

TARIKH	MASA	TINDAKAN
28 Mac 2021 Ahad	0800 – 1000 Kolej Kediaman A	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami telah diberi penenongan oleh Puan Siti Noorsiah. Beliau juga memberi arahan untuk mencari calon tokoh yang berkait dengan warisan kebudayaan.</li> <li>• Menyuruh memilih pasangan untuk kerja ini.</li> <li>• Danial dan Ezzat bersetuju untuk bersama-sama menyiapkan tugas ini</li> <li>• Tema yang dipersetujui ialah Warisan Kebudayaan.</li> <li>• Kedua – dua bersetuju memilih silat untuk tugas ini.</li> </ul>
4 April 2021 Ahad	0800 – 1000 Kolej Kediaman A	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerima arahan untuk membuat kertas kerja dan kajian literature mengenai tajuk yang dipilih.</li> <li>• Ezzat dan Danial pada mulanya memilih seni silat gayung</li> </ul>
6 April 2021 Selasa	1100 Kolej Kediaman A	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ezzat dan Danial berbincang untuk mengubah topik yang dipilih iaitu silat bunga Kedah selepas tidak jumpa tokoh yang berkenaan dengan silat gayung.</li> <li>• Pencarian maklumat dimulakan.</li> </ul>
7 April 2021 Khamis	1300 Kolej Kediaman A	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Danial menelefon tokoh silat bunga selepas diberi nombor telefon oleh rakan</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh bersetuju untuk ditemuramah oleh Danial dan Ezzat berkenaan tajuk seni warisan silat bunga Kedah.</li> </ul>
11 April 2021 Ahad	0800 – 1000 Kolej Kediaman A	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar ulasan pendek tentang tokoh dan diterima untuk diteruskan oleh Puan Siti Noorsiah.</li> </ul>
18 April 2021 Ahad	0800 – 1000 Kolej Kediaman A	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghasilkan kertas kerja setelah diluluskan tajuk silat bunga Kedah oleh Puan Siti Noorsiah.</li> </ul>
19 April 2021 Isnin	2100 Kolej Kediaman A	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghasilkan soalan untuk menemuramah tokoh.</li> <li>• Berbincang beberapa soalan bersama Ezzat.</li> </ul>
25 April 2021 Ahad	0800 – 1000 BK3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Danial dan Ezzat memeriksa soalan yang dirangka bersama Puan Siti Noorsiah dan menambah serta membetulkan beberapa soalan.</li> <li>• Menghantar kertas kerja yang dirangka oleh Danial dan Ezzat.</li> <li>• Danial menelefon tokoh untuk menetapkan tarikh untuk ditemuramah.</li> </ul>
11 May 2021 Selasa	1000 – 1100 Kampung Alor Keladi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Danial dan Ezzat menemuramah tokoh di rumahnya sendiri.</li> <li>• Temuramah bertempat di Kampung Alor Keladi.</li> </ul>
16 May 2021	2000 Rumah Danial dan Ezzat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghangsilan transkrip dimulakan oleh Danial dan Ezzat di rumah masing –</li> </ul>

		masing mengikut bahagian masing – masing.
27 Jun 2021 Ahad	1000 Rumah Danial dan Ezzat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Transkrip penuh dihantar melalui U-future</li> <li>• Video temuramah juga dihantar melalui U-Future</li> </ul>
7 Julai 2021 Rabu	1200 Rumah Danial dan Ezzat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Transkrip lengkap dihantar ke rumah Puan Siti Noorsiah.</li> </ul>

## **GAMBAR, SIJIL – SIJIL DAN BAHAN – BAHAN YANG BERKAITAN**











